


**INOVASI BUSANA KEBAYA PENGANTIN MODEN  
MUSLIMAH DENGAN MENGGUNAKAN  
BATIK TEMPATAN**

**WAN NAZATUL AMALIA BINTI WAN MOHAMAD  
NOOR  
C17A0379**

UNIVERSITI  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
MALAYSIA  
2021  
KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Inovasi Busana Kebaya Pengantin Moden  
Muslimah Dengan Menggunakan  
Batik Tempatan

Wan Nazatul Amalia Binti Wan Mohamad Noor

C17A0379

Laporan Yang Diserahkan Sebagai Memenuhi Syarat-Syarat  
Untuk Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2021

## **PERAKUAN TESIS**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



Tandatangan

Nama pelajar : Wan Nazatul Amalia Binti Wan Mohamad Noor

No. Matriks : C17A0379

Tarikh : 2 Julai 2021

Disahkan oleh:



Nama penyelia :

Cop :

Tarikh :

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan projek penyelidikan dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi peluang kepada saya untuk menjalankan projek penyelidikan ini. Tanpa arahan dan maklumat daripada pihak Universiti Malaysia Kelantan.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Mohd Zaimuddin Bin Mohd Zain. Pengawasan dan sokongan yang diberikannya sangat membantu saya dalam kelancaran menjalankan projek penyelidikan ini. Kesabaran dan sokongannya yang ramah, terutama semasa persiapan projek penyelidikan ini sangat saya hargai.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga saya terutama ibu saya yang memberi saya kekuatan dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Akhir kata, terima kasih saya ucapkan kepada rakan-rakan saya yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung dalam projek penyelidikan ini.

KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii - iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vi - vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1 - 2
1.2 Latar belakang kajian	2 - 5
1.3 Permasalahan kajian	5 - 7
1.4 Objektif kajian	7 - 8
1.5 Persoalan kajian	8
1.6 Skop kajian	9
1.7 Sumbangan kajian	9 - 10
1.8 Batasan kajian	10
<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Busana kebaya pengantin	11 - 15
2.2 <i>Islamic Modest dan Modern</i>	16 - 20
2.3 Batik Tempatan	20 - 25

**BAB 3: KAEADAH PENYELIDIKAN**

3.1 Pengenalan	26 - 27
3.2 Jenis kaedah metodologi	27 - 31
3.3 Kajian instrumen	31 - 39
3.4 Data analisis	39 - 40
3.5 Target kajian	40 - 41
3.6 Diagram proses kajian	41 - 42

**BAB 4: ANALISIS DATA DAN HASIL KAJIAN**

4.1 Pengenalan	43
4.2 Analisis data	43 - 87
4.3 Proses Rekabentuk Fesyen	87 - 95
4.4 Hasil Kajian	95 - 98
4.5 <i>Costing Sheet</i>	98 - 100

**BAB 5: KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	101
5.2 Kesimpulan	101 - 102
5.3 Cadangan	103 - 104
Bibliografi	
Lampiran	

## SENARAI JADUAL

	Halaman
3.3 Demografi responden	33 - 34
3.3 Soalan berkaitan dengan busana kebaya pengantin	34 - 36
3.3 Soalan berkaitan dengan batik tempatan	36 - 38
4.2 Analisis data demografi responden	44 - 45
4.2 Soal selidik bahagian A	45 - 50
4.2 Jumlah bilangan responden menjawab ‘YA’ atau ‘TIDAK’	51 - 52
4.2 Jumlah bilangan responden menjawab soalan selidik skala likert	66 - 68
4.2 10 rekaan busana kebaya pengantin	79 - 80
4.2 10 jenis kain batik	81 - 82

UNIVERSITI  
 ━━━━━━  
 MALAYSIA  
 ━━━━━━  
 KELANTAN

**SENARAI RAJAH**

	Halaman
2.1 Kebaya	12
2.1 Kebaya labuh	14
2.1 Kebaya pendek	14
2.1 Rekaan busana kebaya pengantin pada masa kini	15
2.2 Rekaan busana kebaya pengantin tradisional klasik	17
2.2 Rekaan busana kebaya pengantin moden	17
2.2 Rekaan busana kebaya pengantin Ezuwan Ismail	19
2.2 Rekaan busana kebaya moden pengantin Ezuwan Ismail	19
2.3 Batik tulis/batik canting	23
2.3 Batik skrin	23
2.3 Batik skrin	23
2.3 Batik celup	23
2.3 Batik terap/batik blok/batik cap	23
4.2 Soal selidik bahagian A	46 - 50
4.2 Purata soalan umum	53 - 64
4.2 Purata soalan umum	68 - 77
4.2 Rekaan busana kebaya pengantin dan kain batik akhir	82

4.2 Jumlah responden yang memilih kain batik	85
4.3 Kajian warna bagi kain <i>silk</i> dan kain batik	88 - 89
4.3 <i>Mood board</i>	90
4.3 Kain <i>satin</i> dan kain batik yang digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin	91
4.3 Butang dan <i>lace</i> digunakan untuk dijadikan hiasan pada busana kebaya pengantin	91
4.3 Pembangunan idea	92
4.3 Rekaan akhir	92 - 93
4.3 Lukisan teknikal rekaan 1	94
4.3 Lukisan teknikal rekaan 2	94
4.3 <i>Pattern layout</i> rekaan 1	95
4.3 <i>Pattern layout</i> rekaan 2	95
4.4 <i>Toile</i> rekaan 1	96
4.4 <i>Toile</i> rekaan 2	96
4.4 Rekaan 1 yang menggunakan batik tempatan dan kain <i>satin</i>	97
4.4 Rekaan 2 yang menggunakan batik tempatan dan kain <i>satin</i>	97

**INOVASI BUSANA KEBAYA PENGANTIN MODEN MUSLIMAH DENGAN  
MENGGUNAKAN BATIK TEMPATAN**

**ABSTRAK**

*Projek penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Selanjutnya, tujuan penyelidikan ini juga dilakukan adalah untuk menggabungkan antara penggunaan batik tempatan dengan rekaan kontemporari busana kebaya pengantin serta untuk menarik minat pengguna terhadap batik tempatan melalui rekaan busana kebaya pengantin. Setiap persoalan yang dinyatakan akan dikumpulkan data melalui penggunaan kaedah kuantitatif iaitu kaedah dengan menyatakan boring soal selidik untuk mengetahui respon daripada responden mengenai busana kebaya pengantin dan juga batik tempatan tersebut. Setelah itu, hasil pengumpulan data akan dianalisis kepada data untuk mengetahui respon responden mengenai inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan.*

**KATA KUNCI:** Busana Kebaya, Batik Tempatan.

**MODERN MUSLIMAH BRIDAL KEBAYA FASHION INNOVATION USING  
LOCAL BATIK**

**ABSTRACT**

*This research project aims to study the innovation of modern Muslimah bridal kebaya dress using local batik. Furthermore, the purpose of this research is also to combine the use of local batik with the contemporary design of bridal kebaya dress as well as to attract consumers to local batik through bridal kebaya design. Each question stated will be collected data through the use of quantitative methods that is the method by stating the questionnaire to find out the response from the respondents about the wedding dress kebaya and also the local batik. After that, the results of data collection will be analyzed to the data to find out the respondents' response on the innovation of modern Muslimah wedding dress kebaya by using local batik.*

**KEYWORDS:** Bridal Kebaya, Local Batik

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Projek penyelidikan dijalankan adalah berkaitan dengan inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Menurut wikipedia, inovasi didefinisikan sebagai “melakukan kombinasi baru” yang meliputi “pengenalan barang baru, penaklukan sumber baru dan menjalankan organisasi baru dari mana-mana industri”. Walau bagaimanapun, banyak sarjana dan organisasi pemerintah telah memberikan definisi mereka sendiri mengenai konsep tersebut. Hal ini juga sering dilihat sebagai penyediaan produk, proses, perkhidmatan, teknologi, karya seni atau model perniagaan yang lebih efektif yang inovatif tersedia untuk pasaran, pemerintah dan masyarakat. (Innovation, 2020. Oktober 22). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 21:02, November 8, 2020 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Innovation>.

Kajian penyelidikan ini juga berkaitan dengan cara penghasilan busana kebaya pengantin pada masa kini dengan penambahan rekaan moden tetapi ia masih menepati konsep Muslimah. Rekaan busana kebaya pengantin ini juga kebanyakannya dihasilkan dengan menggunakan kain songket dan juga kain berwarna pelbagai jenis seperti *satin* dan *chiffon*. Selain itu, masyarakat pada masa kini kurang mengetahui bahawa batik

tempatan juga boleh digunakan untuk menghasilkan busana pengantin kerana kebanyakannya batik tempatan digunakan sebagai baju dan aksesori seperti baju kurung, *blouse*, gelang, dan beg.

Bukan kerana pengguna tidak meminati batik tempatan tetapi mereka lebih memilih mengikuti *trend* terkini rekaan busana pakaian pengantin. Oleh itu, penyelidik ingin membuat penyelidikan dengan menginovasikan busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Walaupun penyelidik masih mengekalkan rekaan baju kebaya pengantin moden Muslimah tersebut mengikut *trend* terkini tetapi penyelidik masih mengekalkan nilai tradisional tempatan dengan menggunakan batik tempatan. Ia juga dapat menaikkan kembali imej batik tempatan yang semakin menurun sehingga ke hari ini.

Terdapat pelbagai jenis busana kebaya pengantin yang dihasilkan di Malaysia seperti baju belah kebaya panjang, kebaya Kota Bharu, kebaya Riau-Pahang, kebarung dan kebaya saloma. Jenis kain yang boleh digunakan bagi baju kebaya pengantin adalah kain songket dan kain berwarna yang pelbagai jenis seperti *satin*. Dari segi batik tempatan pula batik terdiri daripada pelbagai jenis batik dan cara penghasilan tekniknya juga berbeza antara satu sama lain. Teknik batik terdapat dalam pelbagai jenis iaitu teknik canting bagi menghasilkan rekaan batik halus, teknik blok, teknik stensil dan teknik yang digunakan bagi menghasilkan batik eksklusif (Samah, A.J.A., 1990).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kebaya memiliki asal usul yang menarik. Dalam catatan sejarah, kata ‘kebaya’ berasal daripada bahasa Arab, Tiongkok dan Portugis yang menjadikan tiga bangsa

tersebut terkait erat dengan asal kebaya (Ria Pentasari, 2007). Ada yang berpendapat bahawa kebaya berasal daripada bahasa Arab ‘*habaya*’ yang ertiannya pakaian labuh yang memiliki rekaan terbelah pada bahagian hadapan. Ada juga orang lain yang berpendapat bahawa kata ‘*kebaya*’ diperkenalkan melalui bahasa Portugis semasa bangsa Portugis datang di kawasan Asia Tenggara. Pada masa itu juga, kebaya digunakan untuk menunjukkan rekaan *blouse* yang dikenakan oleh wanita Indonesia antara abad ke-15 dan 16 Masihi (Ria Pentasari, 2007).

Kebaya Melayu adalah pakaian tradisional Melayu yang dipakai oleh wanita Melayu dari generasi ke generasi dan disayangi oleh masyarakat sehingga hari ini. Sebenarnya, kumpulan etnik lain seperti Cina, India dan Peranakan di Malaysia mengamalkan kepercayaan dan budaya yang berbeza, merasa bangga untuk memakai pakaian tradisional Melayu ini kerana mereka mewakili keharmonian pelbagai kaum di Malaysia. Kebaya berbanding dengan baju kurung menghadapi cabaran yang lebih besar untuk bersaing dalam dunia fesyen dan teknologi tanpa sempadan. Dahulu, kebaya dianggap sebagai pakaian sehari-hari biasa bagi wanita Melayu, namun statusnya telah berubah kerana sekarang hanya dipakai untuk acara formal dan perkahwinan. Begitu juga, orang Melayu mempunyai kebaya unik mereka yang menggambarkan identiti mereka (Yusof, Z., Nawawi, N. M., & Aris, A. 2018).

Meskipun terdapat pelbagai jenis kebaya pengantin yang dihasilkan dengan adanya tambahan rekaan moden, akan tetapi rekaan kebaya tersebut masih lagi dikekalkan oleh sesetengah pereka fesyen yang masih mahu mengekalkan nilai kemelayuan dengan menggunakan kain songket agar ia kelihatan nilai tradisional. Pada masa kini, terdapat sesetengah pengguna yang mahu mengadakan majlis perkahwinan mereka dengan memilih satu tema tradisional iaitu mereka memilih rekaan busana kebaya.

Walaubagaimanapun, terdapat segelintir masyarakat yang kurang gemar menggunakan rekaan busana kebaya yang diperbuat daripada kain songket kerana kain songket terlalu tebal dan panas sehingga ia tidak memberi keselesaan kepada pengguna tetapi pengguna masih mahu mengenakan tema tradisional bagi majlis persandingan mereka. Oleh itu, penyelidik ingin menginovasikan rekaan busana kebaya pengantin tersebut dengan menggunakan batik tempatan kerana ia masih mengekalkan tradisional Melayu meskipun rekaan busana kebaya pengantin direka mengikut rekaan moden pada masa kini dan ia juga menggunakan batik tempatan.

Menurut portal Kementerian Dalam Negeri (Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri), inovasi ialah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Ia adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif daripada mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Idea-idea ini boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem atau prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi (Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. 2020 Oktober. Maklumat Inovasi. Portal Kementerian Dalam Negeri).

Penyelidik mendapati bahawa dengan adanya inovasi pada busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan dapat membantu mengekalkan tradisi Melayu dengan menggunakan produk tempatan tanpa perlu menggunakan produk dari luar negara seperti batik dari luar negara kerana batik tempatan sudah ada. Oleh hal yang demikian, ia juga dapat menarik kembali minat pengguna terhadap keunikan serta keistimewaan batik tempatan meskipun rekaan busana kebaya tersebut direka secara moden tetapi ia masih mengekalkan konsep

Muslimah dan juga tradisi rekaan pakaian Melayu mengikut rekaan moden pada masa kini.

Menurut Wikipedia, batik berasal daripada Jawa “batik” yang bermakna menulis, dan “nitik” yang bermakna membuat titik. Batik merujuk kepada kain yang mempunyai corak yang terang dan menarik. (Batik, 2006 September 5). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas, Diambil 15:03, November 2, 2020 daripada <https://ms.wikipedia.org/wiki/Batik>. Batik Malaysia merupakan seni tekstil batik dari Malaysia, terutamanya di bahagian Pantai Timur Malaysia iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Batik Malaysia menggunakan motif flora dan jarang menggunakan motif makhluk hidup seperti manusia dan haiwan selaras dengan larangan dalam Islam menggunakan imej haiwan sebagai hiasan. Batik Malaysia juga terkenal dengan rekaan geometrik. (Batik Malaysia, 2018 Februari 6). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas, Diambil 15:03, November 2, 2020 daripada [https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Batik\\_Malaysia&action=info](https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Batik_Malaysia&action=info).

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan menjadi pilihan tajuk bagi penyelidik untuk menjalankan projek penyelidikan kerana permasalahan kajian ini dapat dilihat dari segi sikap pengguna fesyen yang lebih mengagungkan fabrik dari luar negara. Menurut akhbar Berita Harian, ketika ini lambakan batik dari Indonesia, China, Korea dan Thailand dipasarkan secara berleluasa di Malaysia bagi mengaburi mata dan menarik minat pembeli tempatan. (Halina Mohd Noor, Nor Hatina Shuib & Hanneeyzah Bariah Baharin. (2019, March). Batik Malaysia Terancam. Berita Harian).

Menurut Pengurus Besar Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn Bhd, Norizmah Mustafa, pembatik Indonesia umpamanya bagi beliau dikesan menerapkan warna dan motif tradisi batik tempatan pada batik mereka. Karyaneka dapat mengesan trend menciplak batik dari negara seberang khususnya dari Indonesia seperti menggunakan corak flora dan abstrak seperti pua kumbu yang menjadi identiti bagi tempatan. (Halina Mohd Noor, Nor Hatina Shuib & Hanneeyzah Bariah Baharin. (2019, March). Batik Malaysia Terancam. Berita Harian).

Sejak dulu batik dari Indonesia lebih terkenal dengan motif fauna atau haiwan, selain menerapkan warna tanah seperti coklat dan hitam tetapi kini rona ceria dan terang yang banyak digunakan pada batik tempatan. Oleh kerana itu ramai pengguna yang kurang mengenali keunikan batik tempatan dan sukar membezakannya dengan batik luar khususnya batik dari Indonesia sehingga ada juga pereka fesyen yang menghasilkan busana kebaya dengan menggunakan batik dari Indonesia.

Kurang penggunaan batik tempatan pada rekaan busana kebaya pengantin pada masa kini juga merupakan antara permasalahan yang berlaku sehingga penyelidik ingin menginovasikan busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Kebanyakan rekaan busana kebaya pengantin dihasilkan dengan menggunakan kain songket dan juga kain berwarna tetapi dengan pelbagai jenis kain seperti kain *satin*, *organza*, *sutera satin* dan *bridal satin*. Terdapat daripada pengguna yang tidak mahu memakai busana kebaya songket kerana kainnya yang terlalu tebal dan juga panas sehingga tidak memberi keselesaan kepada pengguna.

Selain itu, busana kebaya yang dihasilkan dengan kain berwarna dan dihiasi dengan jahitan labuci dan manik juga selalunya kurang mendapat perhatian pengguna

kerana pengguna masih ingin mengekalkan tema tradisional bagi busana kebaya tersebut. Oleh itu, penyelidik terinspirasi untuk menginovasikan busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan kerana walaupun busana kebaya tersebut direka mengikut rekaan moden pada masa kini serta menggunakan kain yang tidak panas dan tebal menggunakan tambahan jahitan labuci tetapi ia masih mengekalkan tema tradisional dimana ia menggunakan batik tempatan yang dihiasi dengan motif dan warna yang menarik.

Kurang penggabungan antara batik tempatan dengan rekaan kontemporari juga merupakan antara permasalahan kajian. Kontemporari sinonim dengan perkataan semasa atau pada masa kini. Jika dilihat dari aspek fesyen, kontemporari ialah pakaian yang telah diubahsuai mengikut peredaran masa iaitu zaman dahulu ke zaman sekarang. Rekaan busana kebaya pengantin sekarang lebih ke arah moden dan kurang diterapkan elemen tradisional tempatan kecuali hanya kain songket yang selalu digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin untuk menunjukkan ia mengandungi elemen tradisional. Oleh itu, pada pendapat penyelidik, jika tidak menggunakan kain songket pada busana kebaya kerana kainnya terlalu tebal dan panas maka penggunaan batik tempatan juga boleh digolongkan dalam tema tradisional tempatan. Meskipun rekaan busana kebaya direka dengan rekaan moden Muslimah tetapi ia masih mengekalkan tradisi Melayu iaitu nilai tradisional dimana adanya batik tempatan yang merupakan seni kraf tangan yang dihasilkan oleh pembatik dengan menggunakan kaedah buatan dengan menggunakan tangan.

#### 1.4 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian yang berkaitan dengan tajuk projek penyelidikan iaitu inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan kurang diperkenalkan atau dihasilkan oleh pereka fesyen telah memberi inspirasi kepada penyelidik untuk melakukan penyelidikan berkaitan dengan perkara ini. Antara objektif kajian bagi projek penyelidikan ini adalah:

- 1) Untuk menghasilkan busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan.
- 2) Untuk menggabungkan antara penggunaan batik tempatan dengan rekaan kontemporari busana kebaya pengantin.
- 3) Untuk menarik minat pengguna terhadap batik tempatan melalui rekaan busana kebaya pengantin.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Penyelidik telah mengenalpasti beberapa persoalan kajian selepas hasil daripada pembentukan objektif kajian. Berikut adalah antara persoalan berkait rapat dengan tajuk kajian iaitu inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan:

- 1) Bagaimana untuk menghasilkan busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan?
- 2) Apakah tujuan penggunaan batik tempatan kepada busana kebaya pengantin?
- 3) Bagaimana cara untuk menarik minat pengguna terhadap batik tempatan melalui rekaan busana kebaya pengantin?

## 1.6 Skop Kajian

Merujuk kepada skop kajian ini berkait rapat dengan projek penyelidikan iaitu inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan, antara skop kajian tersebut adalah untuk menghasilkan busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Penyelidik ingin menumpukan kepada rekaan busana kebaya pengantin yang dihasilkan dengan menggunakan batik tempatan. Skop bagi rekaan busana ini disasarkan kepada golongan pengguna yang ingin mengadakan majlis perkahwinan. Selain itu, penyelidik juga ingin menarik perhatian pengguna dengan adanya keistimewaan batik tempatan yang mempunyai pelbagai jenis motif flora yang dihasilkan dan warna yang menarik. Hal ini demikian kerana, kebanyakan pengguna pada masa kini lebih gemar memakai busana kebaya pengantin yang menggunakan batik dari negara luar iaitu batik dari Indonesia. Oleh itu, penyelidik ingin menumpukan penggunaan batik tempatan pada busana kebaya pengantin meskipun rekaan busana kebaya tersebut direka secara moden tetapi ia masih mengekalkan konsep Muslimah. Fesyen busana kebaya pengantin ini juga tertumpu kepada golongan wanita sahaja yang ingin melangsungkan perkahwinan.

## 1.7 Sumbangan Kajian

Penyelidikan berkaitan dengan inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan dapat memberi sumbangan terutamanya kepada pengguna yang ingin melangsungkan majlis perkahwinan. Penyelidik ingin menginspirasikan busana kebaya pengantin moden Muslimah

dengan menggunakan batik tempatan supaya ia dapat merancakkan industri tekstil iaitu batik tempatan yang semakin terancam disebabkan wujudnya batik dari luar negara yang sering menarik perhatian pengguna tempatan. Oleh itu, penggunaan batik juga bukan sahaja dapat diperluaskan pada pakaian fesyen terkini seperti *blouse* dan jubah malah ia juga dapat diperkenalkan pada busana pengantin seperti kebaya, gaun, *peplum* dan lain-lain. Selain itu, untuk lebih meluaskan lagi pengeluaran busana kebaya pengantin moden Muslimah yang dapat mematuhi tuntutan agama Islam iaitu tidak ketat dan jarang. Penyelidik ingin menyatakan bahawa bukan hanya pakaian fesyen seperti *blouse* dan jubah sahaja yang dapat digayakan menggunakan batik tempatan malah busana pengantin juga dapat digayakan dengan lebih anggun dan menarik apabila dikenakan batik tempatan yang mempunyai pelbagai jenis motif flora dan juga penggunaan warnanya juga bersesuaian dengan tema busana pengantin.

## 1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian yang berkait dengan tajuk projek penyelidikan iaitu inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan adalah dari segi responden. Responden melibatkan pengguna terutamanya golongan perempuan kerana tajuk ini berkaitan dengan busana kebaya pengantin dan terhad umur adalah di antara umur 18 tahun ke atas. Hal ini demikian kerana, projek penyelidikan ini dikaji berkaitan dengan busana kebaya pengantin moden Muslimah untuk golongan perempuan. Oleh itu, penyelidik dapat mengetahui respon daripada pengguna berkaitan dengan rekaan busana kebaya songket dengan rekaan inovasi busana kebaya dengan menggunakan batik tempatan. Dengan itu, ia dapat membantu penyelidik untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan busana kebaya pengantin.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Busana Kebaya Pengantin

Pertama, penyelidik ingin menyatakan definisi berkaitan dengan busana kebaya pengantin serta dengan asal-usulnya. Busana tradisional melambangkan peradaban sesuatu bangsa, termasuk masyarakat Melayu yang menganggap persalinan tradisi memainkan peranan penting yang amat berharga dan disanjung tinggi. (Siti Fatimah Mohamed Anwar, 2019). Pertahan Busana Melayu, Warisan Kerajaan Silam. Berita Harian. Busana Melayu di Malaysia secara umum, telah melalui banyak fasa perubahan iaitu sebelum kedatangan Islam, setelah kedatangan Islam, pasca penjajahan Barat, pasca kemerdekaan dan era moden.

Kebaya memiliki asal usul yang menarik. Dalam catatan sejarah, kata ‘kebaya’ berasal dari Bahasa Arab, Tiongkok, dan Portugis menjadikan tiga bangsa tersebut terkait erat dengan asal usul kebaya. Ada yang berpendapat bahawa kebaya berasal dari Bahasa Arab ‘*habaya*’ yang ertiannya *pakaian labuh yang memiliki belahan di depan*. Berkaitan dengan hal ini, Denys Lombard, seorang sejarawan yang mempelajari budaya Jawa, menulis dalam bukunya *Nusa Jawa : Silang Budaya* (1996) bahawa kata ‘kebaya’ berasal dari bahasa Arab ‘*kaba*’ yang bermaksud

pakaian. Di masa kini, istilah *Abaya* juga masih dipergunakan dalam bahasa Arab untuk menunjuk jubah panjang khas Arab (Ria Pentasari, 2007).



Rajah 2.1: *Kebaya*

Sumber: Picture Collection of New York Public Library. (1830)

Di Malaysia, nama kebaya dikenali sebagai pakaian tertentu dicatat oleh orang Portugis ketika mereka mendarat di Melaka. Amalan memakai kain dipercayai sudah ada sejak sebelum era kesultanan Melaka dengan bukti ciri serupa antara baju kurung dan baju belah dengan pakaian gaya Kelantan-Pattani. Perkembangan kebaya dipercayai menjadi milik Temenggong Tun Hassan, yang mengubah baju kurung tradisional Melayu menjadi baju belah yang lebih sederhana ketika pengaruh Islam mulai berkembang di wilayah ini. Gaya pakaian ini diguna pakai oleh masyarakat pelbagai budaya Portugis yang menduduki Melaka pada abad ke-16 dan ke-17. Kemunculan unsur-unsur Eropah dapat dikaitkan dengan peranan Portugis dan Belanda semasa era penjajahan Melaka. Masyarakat Kristang di Melaka masih menganggap kebaya gaya Portugis yang asli sebagai pakaian tradisional mereka. Pada awal abad ke-20, gaya pakaian ini kemudiannya dipopularkan oleh masyarakat Peranakan Melaka sebagai simbol warisan mereka. (Kebaya, 2005. September 29). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 21:02, November 26, 2020 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Kebaya>.

Kebaya Melayu adalah pakaian tradisional Melayu yang telah dipakai oleh wanita Melayu dari generasi ke generasi dan dihargai oleh masyarakat sehingga hari ini. Sebenarnya, kumpulan etnik lain seperti Cina, India dan Peranakan di Malaysia yang mengamalkan budaya yang berbeza kepercayaan, merasa bangga untuk memakai pakaian tradisional Melayu ini kerana mereka mewakili keharmonian pelbagai kaum di Malaysia. Kebaya berbanding dengan baju kurung menghadapi cabaran yang lebih besar untuk bersaing dalam dunia fesyen dan teknologi tanpa sempadan. Dahulu, kebaya dianggap sebagai pakaian sehari-hari biasa bagi wanita Melayu, namun, statusnya telah berubah kerana sekarang hanya dipakai untuk acara formal dan perkahwinan. Begitu juga, orang Melayu mempunyai keunikan tersendiri yang menggambarkan identiti mereka. Kebaya Melayu terdiri dari baju raya, kebaya labuh dengan kebaya lepel dan kebaya pendek (Yusof, Zarina, Norwani Md Nawawi, and Asliza Aris 2018).

Kebaya adalah pakaian etnik tradisional yang unik dipakai oleh wanita Melayu, seperti yang dikenali sebagai kebaya Melayu dan kebaya Nyonya yang dipakai oleh wanita Cina Selat yang dikenali sebagai nyonya (Yoong dan Zainab 2004) dan baru-baru ini mendapat perhatian umum (Vijaya 2016). Dari segi sejarah, Kebaya adalah pakaian yang dipakai oleh wanita Asia Tenggara. Ia terdiri terutamanya dari *blouse* atau jaket dan sarung. Gaya *blouse* dan sarung berbeza dari satu tempat ke tempat yang lain. Bahan dan hiasan yang dikenakan dengan pakaian juga berbeza mengikut kawasan. Terdapat dua gaya asas kebaya, *blouse* panjang (dikenali sebagai kebaya labuh) dan yang lain adalah *blouse* pendek (kebaya pendek) (Hirschman 1987; Khunying dan Maneepin 2000; Kim 2010).



Sumber:  
Memori Kedah

Sumber:  
Hanie Kunie

Sumber:  
Shopee

Sumber:  
Pinterest

Rajah 2.1 (i): Kebaya Labuh



Sumber:  
Google  
Image

Sumber:  
Moff  
Collection

Sumber:  
Pinterest

Sumber:  
Pinterest

Rajah 2.1 (ii): Kebaya Pendek

Pakaian pengantin yang indah menjadi idaman kebanyakan wanita yang bakal menjadi raja sehari supaya ia dapat digayakan bagi meraikan detik bermakna dalam hidup mereka. Oleh itu, pemilihan busana memainkan peranan penting kerana ia

bukan saja penyeri imej buat pengantin tetapi memberikan keselesaan dan penampilan yang anggun sepanjang majlis perkahwinan. Sehingga sekarang, perubahan globalisasi kekal meletakkan nuansa putih sebagai warna idaman wanita untuk dijadikan sebagai baju pengantin. Tempias warna putih turut memperlihatkan busana pernikahan tradisional seperti kebaya turut menggunakan keindahan rona tersebut (Fatin Hafizah Mohd Shahar. (2015, March). Putih Busana Ratu Sehari. Berita Harian).

Penyelidik berpendapat bahawa kebanyakan busana kebaya pengantin yang dihasilkan adalah kebaya labuh dan kebaya pendek. Reka bentuk kebaya tersebut masih mengekalkan rekaan asal bentuk kebaya tetapi hanya tambahan hiasan pada rekaan tersebut sahaja akan terlihat lebih cantik dan menarik seperti hiasan sulaman motif bunga atau jahitan manik dan labuci supaya baju tersebut akan kelihatan lebih moden ditambahi pula dengan jenis rekaan kain bawahan yang dihasilkan dengan pelbagai bentuk seperti kain duyung, kain sarung dan kain kembang. Selain itu, mempamerkan kombinasi unik ‘*modest* dan *modern*’ juga merupakan antara trend terkini penghasilan baju kebaya pengantin.



Sumber: Pinterest (2021)



Sumber: Cahaya Kristal (2019)



Sumber: Cahaya Kristal (2019)

Rajah 2.1 (iii): Rekaan Busana Kebaya Pengantin Pada Masa Kini.

## 2.2 Islamic Modest dan Modern

Istilah ‘modest fashion’ atau berpakaian sederhana merujuk kepada kecenderungan fesyen pada wanita yang memakai pakaian yang kurang menampakkan kulit seperti ayat di dalam (Surah Al-A’raaf : Ayat 26) “Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka (terjemahan langsung adalah: 'dan hendaklah mereka menutup dada mereka dengan penutup'); dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada golongan yang mahram.

“Dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.” (Surah An Nur : Ayat 31), terutama dengan cara yang memenuhi syarat kerohanian dan gaya mereka untuk alasan iman, agama atau keutamaan peribadi. Tafsiran tepat mengenai 'sederhana' berbeza antara budaya dan negara. Tidak ada penafsiran yang jelas kerana dipengaruhi oleh ciri sosio-budaya setiap negara. Di luar pelbagai tafsiran, semua bersetuju dengan idea bahawa fesyen yang sederhana bermaksud pakaian yang longgar, berpakaian yang selesa dan menutup badan mengikut keselesaan seseorang.

*Modest Fashion.* (2015. Julai 21). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 21:02, November 26, 2020 daripada [https://en.wikipedia.org/wiki/Modest\\_fashion](https://en.wikipedia.org/wiki/Modest_fashion).

Terdapat dalam kalangan masyarakat yang sangat teliti terhadap pembuatan busana pengantin terutamanya dari segi rekaan serta bentuk busana tersebut sama ada

ia tidak mengikut bentuk tubuh badan, jarang dan juga dapat memberi keselesaan kepada pemakai untuk memakainya. Menurut ajaran Islam, masyarakat yang beragama Islam mestilah memilih busana pengantin yang tidak mengikut bentuk tubuh badan, jarang dan menutup aurat. Pakaian bagi orang Islam adalah pakaian yang ditafsirkan sesuai dengan ajaran Islam. Umat Islam memakai pelbagai jenis pakaian, yang tidak hanya dipengaruhi oleh pertimbangan agama, tetapi juga faktor praktikal, budaya, sosial dan politik. Pada zaman moden ini, beberapa umat Islam telah memakai pakaian berdasarkan tradisi Barat, sementara yang lain memakai pakaian tradisional Muslim bentuk moden. *Islamic Clothing*. (2004. Julai 25). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 21:00, November 28, 2020 daripada [https://en.wikipedia.org/wiki/Islamic\\_clothing](https://en.wikipedia.org/wiki/Islamic_clothing).



Rajah 2.2 (i): Rekaan Busana Kebaya Pengantin Tradisional Klasik

Sumber: Hijabista (2018)



Rajah 2.2 (ii): Rekaan Busana Kebaya Pengantin Moden

Sumber: Cahaya Kristal (2019)

Rekaan busana kebaya pengantin tradisional klasik ini boleh dilihat melalui penggunaan ‘*modest fashion*’ atau berpakaian sederhana merujuk kepada kecenderungan fesyen pada wanita yang memakai pakaian yang kurang

menampakkan kulit serta rekaan busana ini juga dihasilkan mengikut rekaan busana kebaya dahulu tanpa menggunakan penambahan hiasan mewah dan menarik. Hanya penggunaan jenis kain rona putih sahaja yang dihasilkan. Walaupun kain yang digunakan kelihatan jarang tetapi ia boleh dilindungi dengan penggunaan ‘inner’ dalaman yang kurang menampakkan kulit apabila pemakai memakai busana kebaya tersebut. Rekaan busana kebaya pengantin moden pula masih mengikuti aliran ‘modest fashion’ dengan penghasilan pakaian yang kurang menampakkan kulit akan tetapi rekaan busana kebaya moden tersebut juga lebih mengikuti aliran ‘modern’ dengan penambahan rekaan barat dari bahagian atasan dan juga bahagian bawahan.

Pada pendapat pereka fesyen busana perkahwinan iaitu Ezuwan Ismail, kebanyakan rekaan yang ada kini lebih kepada kurung moden dan kebaya. Beliau begitu teruja kerana buat julung kalinya beliau mengeluarkan koleksi busana pengantin daripada songket. Ada sebab songket menjadi pilihan untuk koleksi baru. Salah satu daripadanya adalah populariti hasil tenunan tradisional dalam menghasilkan busana pengantin. Oleh hal yang demikian, permintaan baju pengantin songket sangat tinggi. Dari dulu sehingga sekarang, masyarakat masih mengenakan songket pada hari perkahwinan. Namun, kebanyakan rekaan yang ada kini lebih kepada kurung moden dan kebaya. Oleh itu, beliau cuba mengambil inspirasi daripada kepelbagaiadat, budaya dan bangsa di Malaysia untuk menghasilkan rekaan moden yang lebih segar, unik, namun masih kekal sopan, sesuai buat bakal merpati sejoli duduk bersanding di pelamin. Beliau juga komited membawakan konsep percampuran budaya di Malaysia merangkumi Melayu, India, Cina, pengaruh Barat serta keunikan kelompok etnik (Intan Mas Ayu Shahimi. (2018, Januari). Busana Raja Sehari. My Metro).



Rajah 2.2 (iii): Rekaan Busana Kebaya Pengantin Ezuwan Ismail  
Sumber: Pinterest (2017)



Rajah 2.2 (iv): Rekaan Busana Kurung Moden Pengantin Ezuwan Ismail  
Sumber: Edition KLFW (2019)

Pada masa kini pula, kebanyakan pengaruh rekaan Barat telah memasuki pelbagai dunia fesyen di Malaysia tidak kira ia meliputi pakaian dan aksesori. Rekaan Barat bagi busana pengantin dikenali dengan rekaan gaunnya yang mewah dan panjang. Gaun pengantin adalah pakaian yang dipakai oleh pengantin perempuan semasa upacara perkahwinan. Dalam budaya Barat, pakaian pengantin biasanya berwarna putih, yang mana fesyennya digemari oleh Ratu Victoria ketika dia berkahwin pada tahun 1840. Dalam budaya Timur, pengantin perempuan sering memilih warna merah untuk melambangkan keberuntungan. (*Wedding Dress*, 2004. Februari 8). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 14:18, December 6, 2020 daripada [https://en.wikipedia.org/wiki/Wedding\\_dress](https://en.wikipedia.org/wiki/Wedding_dress).

Oleh itu, pengaruh rekaan busana pengantin Barat telah mempengaruhi busana pengantin Melayu dengan adanya penambahan pelbagai rekaan seperti ‘*silhouettes*’, ‘*ball gown*’, ‘*off-the-shoulder*’, ‘*mermaid*’, ‘*A-Line*’, ‘*necklines*’, and ‘*tea-length*’. (*Wedding Dress*, 2004. Februari 8). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 14:18, December 6, 2020 daripada [https://en.wikipedia.org/wiki/Wedding\\_dress](https://en.wikipedia.org/wiki/Wedding_dress). Pada pendapat penyelidik, dengan adanya penggunaan batik tempatan dan rekaan busana

kebaya maka ia dapat mengekalkan lagi nilai tradisional serta penggunaan produk tempatan meskipun rekaan busana kebaya pengantin tersebut direka dengan rekaan yang lebih ke arah moden dan juga menepati ajaran agama Islam bagi pengguna yang beragama Islam.

Fesyen Islam pada dasarnya adalah mengenai menutup rambut, fesyen sederhana untuk pelbagai jenis pakaian yang sesuai dengan wanita yang lebih suka pakaian yang sesuai dengan wanita yang lebih suka pakaian yang lebih longgar atau lebih banyak liputan dalam pelbagai gaya (Rai, 2018). Berpakaian penting dalam Islam kerana penampilan seseorang akan memicu pesan tertentu dalam fikiran orang ketika dilihat. Sudah tentu, umat Islam diharuskan memperhatikan penampilan mereka, memastikan pakaian mereka cantik dan bersih, terutama ketika berhubungan dengan orang lain dan ketika menuaikan solat yang diperlukan (Yafai, 2017).

Muslim telah tersebar di seluruh negara. Oleh itu, fesyen Islam sangat diperlukan di seluruh dunia. Bermula dari jumlah pendatang dari Timur Tengah ke negara-negara di dunia, mereka membawa budaya Islam ke negara-negara bukan Islam (Indarti, 2017). Islam adalah agama yang mempunyai peraturan mengenai cara berpakaian. Sebagai penganut agama Islam, kita perlu memakai pakaian khas. Pakaian ini dinamakan '*Islamic Dress*' atau '*Modest Fashion*'.

### 2.3 Batik Tempatan

Batik Malaysia merupakan seni tekstil batik dari Malaysia, terutamanya di bahagian pantai timur Malaysia iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Batik Malaysia menggunakan motif flora dan jarang menggunakan motif makhluk hidup seperti manusia dan haiwan selaras dengan larangan dalam Islam menggunakan imej

haiwan sebagai hiasan. Namun begitu, tema rama-rama masih banyak digunakan dalam Batik Malaysia. Batik Malaysia juga terkenal dengan rekaan geometrik. Cara penghasilan batik Malaysia agak berbeza dari batik Jawa di Indonesia iaitu coraknya lebih besar dan lebih ringkas. Selain itu, canting juga jarang atau tidak digunakan dalam mencipta corak-corak yang rumit. Warna-warna yang digunakan dalam batik Malaysia juga lebih cerah berbanding batik Jawa. Sejajar dengan konsep Malaysia, kerajaan Malaysia turut mengiktiraf batik Malaysia sebagai pakaian kebangsaan untuk setiap peringkat penduduk umum, dengan menyediakan pereka tempatan bagi mencipta reka bentuk batik baru yang mencerminkan identiti Malaysia. (Batik Malaysia, 2018. Februari 6). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 21:02, November 26, 2020 daripada [https://ms.wikipedia.org/wiki/Batik\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Batik_Malaysia).

Asal penghasilan batik di Malaysia agak sukar untuk diketahui. Beberapa artifak sejarah wujud, namun ia lebih kepada hubungan perdagangan antara Kerajaan Melayu di Jambi dengan kota-kota pesisir Jawa telah berkembang sejak abad ke-13 iaitu kawasan penghasilan batik pesisir utara Jawa (Cirebon, Lasem, Tuban, and Madura) banyak mempengaruhi batik Jambi. Batik Jambi dan batik Jawa banyak mempengaruhi kraf batik di Semenanjung Malaysia. Menurut Muzium Sejarah Budaya di Oslo, ia diketahui dengan pasti Jawa banyak mempengaruhi pembuatan batik Melayu secara teknikalnya dan juga dalam penghasilan corak. Pada peringkat awal, masyarakat Melayu Malaysia menggunakan blok kayu bagi menghasilkan tekstil yang menyerupai batik. (Batik Malaysia, 2018. Februari 6). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 21:02, November 26, 2020 daripada [https://ms.wikipedia.org/wiki/Batik\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Batik_Malaysia).

Asal pengeluaran batik di Malaysia diketahui hubungan perdagangan antara Kerajaan Melayu di Jambi dan kota-kota pesisir Jawa telah berkembang sejak abad

ke-13, wilayah penghasilan batik pesisir utara Jawa (Cirebon, Lasem, Tuban, dan Madura) telah mempengaruhi Jambi batik. Batik Jambi (Sumatera) ini, dan juga batik Jawa, telah mempengaruhi kerajinan batik di Semenanjung Tanah Melayu. Kaedah pembuatan batik Malaysia berbeza dengan batik Jawa Indonesia, coraknya lebih besar dan sederhana dengan hanya penggunaan canting sekali-sekala untuk membuat corak yang rumit. Ia sangat bergantung pada lukisan berus untuk menerapkan warna pada kain. Warnanya juga cenderung lebih ringan dan lebih cerah daripada batik Jawa berwarna. Motif yang paling popular adalah daun dan bunga. Batik Malaysia sering mempamerkan tumbuh-tumbuhan dan bunga untuk mengelakkan penafsiran gambar manusia dan haiwan sebagai penyembahan berhala, sesuai dengan doktrin Islam tempatan. Walau bagaimanapun, tema rama-rama adalah pengecualian biasa. (Batik, 2003. November 16). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 21:02, November 26, 2020 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Batik>.

Pada penghujung 1920-an, pengusaha batik Jawa memperkenalkan penggunaan lilin dan blok tembaga ke bahagian pantai timur Malaysia. Penghasilan batik lukisan tangan di Malaysia pada hari ini mempunyai kaitan dengan batik tulis Jawa. Pengeluaran komersial bermula pada tahun 1960-an. Kraf ini telah membangunkan estetika dan reka bentuk tersendiri, khusus kepada Malaysia. Batik Malaysia yang baru jelas berbeza dari tradisi batik Jawa yang dilukis tangan. Batik Malaysia mudah didapati di pantai timur Malaysia seperti di Kelantan, Terengganu dan Pahang, manakala batik di Johor pula mempunyai banyak pengaruh Jawa dan Sumatera. (Batik Malaysia, 2018. Februari 6). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 21:02, November 26, 2020 daripada [https://ms.wikipedia.org/wiki/Batik\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Batik_Malaysia). Berikut merupakan jenis-jenis batik:



Rajah 2.3 (i): Batik Tulis/Batik Canting

Sumber: Google Image



Rajah 2.3 (ii): Batik Tulis/Batik Canting

Sumber: Google Image



Rajah 2.3 (iii): Batik Tulis/Batik Canting

Sumber: Shopee Image



Rajah 2.3 (iv): Batik Skrin

Sumber: Noor Arfa (2018)



Rajah 2.3 (v): Batik Skrin

Sumber: Shopee



Rajah 2.3 (vi): Batik Celup

Sumber: Utusan (2020)



Rajah 2.3 (vii): Batik Terap/Batik Blok/Batik Cap

Sumber: Hafizul Asyraf

Sebab penyelidik ingin menggunakan batik tempatan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin adalah kerana hasil penyelidikan penyelidik, penyelidik mendapati bahawa kebanyakannya busana kebaya pengantin yang dihasilkan adalah menggunakan

kain songket dan kain tidak bercorak. Penggunaan batik tempatan kebanyakannya digunakan untuk menghasilkan produk fesyen yang lain seperti perhiasan dan pakaian iaitu gelang, rantai, topi, *blouse*, jubah dan baju kurung. Pereka fesyen terkenal, Ezuwan Ismail menggabungkan koleksi tradisional dan model diserlahkan dengan reka baju kebaya dan kurung Pahang. Koleksi baju tersebut dihasilkan menggunakan fabrik seperti renda, jaring, *chiffon*, *neoprene*, organza, satin dan sutera. (Zaidi Mohamad. (2019, Februari). Rekaan Gaun Pengantin Moden dan Tradisional. Berita Harian).

Pada pertunjukan fesyen The Wedding KL 2017, Ezuwan Ismail telah mempersembahkan koleksinya iaitu Memories of Grace Kelly. Grace Kelly menarik perhatiannya sebagai tema tahun tersebut dan koleksi yang terhasil adalah mengenai kecantikan, kewanitaan dan ciri lain daripada kehidupan ikon fesyen yang masih dikenang sehingga ke hari ini. Setiap rekaan beliau yang direka menggunakan fabric terbaik dari kain *chiffon*, ‘lace’, ‘soft net’, songket dan taffeta. (Zaidi Mohamad. (2017, Mac). Ezuwan Hidupkan Legasi Grace Kelly. Berita Harian). Sehingga hari ini songket masih menjadi pilihan orang Melayu dalam memilih busana pengantin bagi majlis perkahwinan mereka.

Oleh itu, tujuan penyelidik melakukan projek penyelidikan tentang inovasi busana kebaya pengantin moden muslimah dengan menggunakan batik tempatan ini adalah kerana penyelidik ingin memperkenalkan kembali penggunaan batik tempatan di Malaysia yang semakin terancam disebabkan wujudnya fabrik-fabrik pelbagai jenis dari luar negara. Di samping itu juga, penyelidik ingin mengimbangkan penggunaan batik tempatan setaraf dengan penggunaan songket yang semakin menjadi pilihan orang Melayu untuk dijadikannya sebagai busana kebaya pengantin.

Industri batik tempatan dibunuh sendiri oleh rakyat Malaysia terutama generasi muda yang mempopularkan batik Indonesia dan ‘diviralkan’ sehingga menjadi trend digayakan pada majlis perkahwinan, acara formal dan santai. Menurut Pengurus Besar Noor Arfa Holdings Sdn Bhd, Wan Mohd Hafiz Wan Mohd Ariffin, beliau memberitahu bahawa golongan tersebut secara tidak langsung mempromosikan batik luar dan kurang pengetahuan mengenai rekaan, identiti dan asal usul batik Malaysia. Bagi beliau, mereka cenderung memilih batik dengan harga murah dan corak sama dalam kuantiti banyak sedangkan sukar bagi pengusaha tempatan yang mengeluarkan batik lukis dan blok yang hanya dihasilkan menggunakan tangan sepenuhnya. Antara perbezaan batik Indonesia dan Malaysia adalah dari segi corak. Di Indonesia, kebanyakannya corak menggunakan motif fauna atau haiwan dengan mengaplikasikan warna gelap dan dijual jauh lebih murah manakala batik Malaysia berasaskan batik lukis dan blok yang bermotifkan flora dengan menggunakan ‘*colours of ranggoli*’ atau berwarna-warni, berbanding Indonesia menghasilkan batik ‘silk screen’ yang dihasilkan dalam jumlah yang banyak pada satu sama. (Halina Mohd Noor, Nor Hatina Shuib & Haneeeyzah Bariah Baharin. (2019, March). Industri Batik Tempatan ‘Dibunuh’. Berita Harian).

## BAB 3

### KAEDAH PENYELIDIKAN

#### 3.1 Pengenalan

Metodologi dapat digambarkan sebagai spektrum dari pendekatan kuantitatif yang dominan ke arah pendekatan kualitatif. Walaupun metodologi secara konvensional dapat digunakan secara khusus dalam salah satu pendekatan ini, para penyelidik dapat menggabungkan pendekatan dalam menjawab objektif penyelidikan mereka dan mempunyai metodologi yang bersifat multimode atau interdisipliner. Secara keseluruhan, metodologi tidak menetapkan untuk memberikan penyelesaian. Oleh itu, ia tidak sama dengan kaedah. Sebaliknya, metodologi menawarkan perspektif teori untuk memahami kaedah, set kaedah, atau amalan terbaik yang dapat diterapkan pada pertanyaan penyelidikan yang ada. Metodologi mempunyai beberapa konsep yang berkaitan dengan paradigma, algoritma dan kaedah. Metodologi adalah strategi penyelidikan umum yang menggariskan cara penyelidikan dijalankan dan antara lainnya adalah mengenal pasti kaedah yang akan digunakan di dalamnya. Kaedah-kaedah ini, yang dijelaskan dalam metodologi, menentukan '*means*' atau '*mode*' pengumpulan data atau kadang-kadang, bagaimana hasil tertentu dihitung. Metodologi tidak menentukan kaedah tertentu, walaupun banyak perhatian diberikan kepada sifat dan jenis proses yang harus diikuti

dalam prosedur tertentu atau untuk mencapai tujuan. (*Methodology*, 2014. April 26). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 16:20, December 22, 2020 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Methodology> ).

### **3.2 Jenis Kaedah Metodologi**

#### **3.2.1 Kaedah Kualitatif**

Kaedah kualitatif merupakan satu kajian penyelidikan di mana penyelidik bergantung kepada pandangan peserta, menanyakan soalan yang luas dan umum, mengumpul data dalam bentuk perkataan atau teks daripada peserta, menjelaskan dan menganalisis perkataan-perkataan tersebut dalam bentuk tema-tema serta menjalankan inkuiiri dalam bentuk subjektif (Rashidah Awang, 2015). Kajian kualitatif merupakan kajian semulajadi yang tidak mematuhi spesifikasi statistik, seterusnya dapatan kajian yang diperoleh adalah tidak boleh digeneralisasikan. Walau bagaimanapun, kajian kualitatif ini menyumbang sesuatu kepada kajian berstatistik. Sesuatu disini bermaksud yang bermakna dan tidak boleh diukir (Schostak, John F., 2002).

Penyelidikan kaedah kualitatif adalah penyelidikan yang bertujuan untuk menggambarkan dan menjelaskan pengalaman manusia seperti yang muncul dalam kehidupan orang. Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif mengumpulkan data yang berfungsi sebagai bukti keterangan mereka. Data kualitatif dikumpulkan terutamanya dalam bentuk bahasa lisan atau tulisan dan

bukan dalam bentuk angka. Sumber data yang mungkin adalah wawancara dengan peserta, pemerhatian, dokumen, dan artifak. Data biasanya diubah menjadi teks bertulis untuk penggunaan analitik. Pemilihan peserta temu duga memerlukan strategi bertujuan dan berulang. Penghasilan data temu ramah memerlukan kesedaran tentang kerumitan laporan diri dan hubungan antara pengalaman dan ekspresi lemah. Untuk menghasilkan data temu ramah dengan keluasan dan kedalaman yang mencukupi memerlukan kemahiran dan masa yang diperlukan. Pengeluaran data berguna dari sumber lain ditangani (Polkinghorne, D.E., 2005).

Penyelidikan kualitatif bertujuan untuk mencari corak tertentu yang dapat ditangkap dan diramalkan tepat dengan keyakinan tahap tertentu bahawa sesuatu di luar kebetulan sedang berlaku yang dapat digeneralisasikan kepada responden yang berminat. Penyelidikan kualitatif, sebaliknya, bertujuan untuk bekerja dalam konteks pengalaman manusia dan cara makna yang dihasilkan daripada pengalaman tersebut. Penyelidik kualitatif mengambil pendekatan yang berbeza ketika membina pengetahuan mengenai pengalaman manusia (Bhattacharya, K., 2017).

### 3.2.2 Kaedah Kuantitatif

Istilah kaedah kuantitatif adalah berasal daripada perkataan kuantiti yang merujuk kepada sesuatu yang boleh diukur, dikira dan merujuk kepada bilangan yang diskrit serta dinyatakan dengan jelas dan konkret. Dalam kuantitatif, kaedah yang digunakan lebih kepada pengukuran dan data kebiasaannya dipersembahkan dalam bentuk numerikal. Penyelidikan yang menggunakan kaedah ini adalah lebih

bersifat eksperimental menggunakan kaedah tertentu dan data akan dianalisis dengan ujian statistik (Othman Talib, 2013).

Selain itu, menurut Cohen (1980), penyelidikan kuantitatif adalah ditakrifkan sebagai penyelidikan sosial yang menggunakan kaedah empiris dan pertanyaan empirikal. Dia menyatakan bahawa pertanyaan empirikal didefinisikan sebagai pernyataan deskriptif tentang apa yang “berlaku” dalam “dunia nyata” dan bukan apa yang “seharusnya” berlaku. Biasanya, pernyataan empirikal dinyatakan dalam istilah berangka, faktor lain dalam penyelidikan kuantitatif adalah bahawa penilaian empirikal diterapkan. Penilaian empirikal didefinisikan sebagai bentuk yang bertujuan untuk menentukan sejauh mana program atau polisi tertentu memenuhi secara empirikal atau tidak memahami standard atau norma tertentu.

Tambahan pula, Creswell (1994) telah memberikan definisi penyelidikan kuantitatif yang sangat ringkas sebagai jenis penyelidikan yang “menjelaskan fenomena dengan mengumpulkan data berangka yang dianalisis menggunakan kaedah berdasarkan matematik (khususnya statistik)”. Terdapat beberapa jenis penyelidikan kuantitatif. Contohnya, ia boleh dikelaskan sebagai penyelidikan tinjauan, penyelidikan korelasi, penyelidikan eksperimen dan penyelidikan perbandingan sebab akibat. Setiap jenis mempunyai ciri khas tersendiri. Di antara banyak jenis penyelidikan kuantitatif, penyelidikan tinjauan adalah pengumpulan maklumat secara sistematis dari responden seperti soal selidik untuk tujuan memahami atau meramalkan beberapa aspek tingkah laku responden yang berminat. Penyelidikan tinjauan berkenaan dengan persampelan, reka bentuk soal selidik, pentadbiran soal selidik dan analisis data (Sukamolson, S., 2007).

### 3.2.3 Kaedah Campuran

Kajian metodologi kaedah campuran (Crosswell,1994) digunakan untuk tujuan penyelidikan. Pendekatan bersepada sedemikian secara maksimum menggabungkan protokol penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Penyelidik menggabungkan aspek paradigma kualitatif dan kuantitatif melalui semua atau banyak langkah metodologi dalam reka bentuk. Kombinasi kaedah seperti itu dapat digunakan dalam pendahuluan, dalam tinjauan literatur dan penggunaan teori, dalam membuat pertanyaan penelitian, dan dalam merumuskan pengumpulan dan analisis data. Pendekatan ini menambah kerumitan dalam reka bentuk dan proses penyelidikan dengan memanfaatkan kelebihan kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif.

### 3.2.4 Kaedah Yang Digunakan Untuk Projek Penyelidikan

Untuk bahagian kaedah metodologi, penyelidik akan menggunakan kaedah kuantitatif untuk penyelidikan berkaitan dengan inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Melalui kaedah kuantitatif penyelidik dapat menggunakan kajian tindakan. Kajian tindakan adalah kajian soal selidik. Dalam glosari kebolehgunaan, soal selidik didefinisikan sebagai “bentuk yang diisi oleh orang, digunakan untuk mendapatkan maklumat demografi dan pandangan serta minat mereka yang di soal” (Brehob, 2001).

Sebab penyelidik memilih kaedah kuantitatif untuk projek penyelidikan berkaitan dengan inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan adalah kerana kaedah kuantitatif iaitu kajian soal selidik sangat bersesuaian dengan penyelidikan pada masa sekarang memandangkan keadaan persekitaran pada masa kini tidak mengizinkan penyelidik menggunakan kaedah kualitatif yang memerlukan penyelidik menemu bual disebabkan oleh pandemik Covid-19 yang berlaku pada masa sekarang ini. Oleh itu, ia amat sukar untuk penyelidik menemu bual responden dari satu tempat ke tempat yang lain.

Selain itu, untuk kaedah kuantitatif penyelidik boleh mencari responden seberapa ramai yang penyelidik mahu sama ada seramai lima puluh ke atas bagi menjawab soal selidik kerana terdapat pelbagai cara untuk menghasilkan soalan berkait dengan tajuk projek penyelidikan iaitu aplikasi *Google Form* manakala kaedah kualitatif pula penyelidik perlu mencari responden seramai lima belas orang atau kurang daripada lima belas orang untuk ditemu bual secara lisan dan ada juga perlu menggunakan telefon.

### 3.3 Kajian Instrumen

Kajian instrumen yang akan digunakan oleh penyelidik bagi menjalankan projek penyelidikan ini adalah kajian satu set soal selidik. Soal selidik adalah instrumen kajian yang terdiri daripada serangkaian pertanyaan (atau jenis pentunjuk lain) untuk tujuan mengumpulkan maklumat dari responden. Soal selidik ini diciptakan oleh *Statistics Society of London* pada tahun 1838. Walaupun soal selidik sering dirancang

untuk analisis statistik tindak balas, ini tidak sekali berlaku. Soal selidik mempunyai kelebihan daripada beberapa jenis tinjauan lain kerana harganya murah, tidak memerlukan banyak usaha dari penyoal seperti tinjaun lisan atau telefon, dan seringkali mempunyai jawapan standard yang menjadikannya mudah untuk mengumpulkan data. Walau bagaimanapun, jawapan standard seperti itu boleh membuat pengguna kecewa kerana jawapan yang mungkin tidak tepat mewakili respon yang diinginkan. Soal selidik juga dibatasi dengan ketara oleh fakta bahawa responden mesti dapat membaca soalan dan menjawabnya. Oleh itu, bagi beberapa kumpulan demografi yang melakukan tinjauan dengan soal selidik mungkin tidak dapat dilaksanakan secara konkret (*Questionnaire*, 2004. September 4). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 10:44, December 29, 2020 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Questionnaire>.

Untuk satu set soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Set soal selidik ini boleh dihasilkan dengan menggunakan aplikasi *Google Form* dan kemudian ia boleh disebarluaskan kepada responden sama ada melalui aplikasi *Facebook*, *Instagram*, *Whatsapp* dan *Telegram*. Bahagian A terdiri daripada demografi responden-responden yang menjawab soal selidik tersebut dan ia mempunyai enam item iaitu umur, bangsa, agama, jantina, pekerjaan, dan status yang akan dinyatakan kepada responden. Bahagian B pula terdapat beberapa soalan objektif yang perlu responden pilih sama ada ia ‘YA’ atau ‘TIDAK’ di ruangan yang disediakan (Jadual 1). Untuk bahagian B, soalan adalah berkaitan dengan busana kebaya pengantin moden Muslimah yang disediakan (Jadual 2). Bahagian C pula, penyelidik akan menyenaraikan beberapa soalan yang memerlukan responden menjawabnya. Soalan-soalan untuk bahagian C adalah berkaitan dengan batik tempatan dan soalan tersebut diberikan dalam bentuk

atau teknik skala likert (Jadual 3). Akhir sekali, untuk bahagian D, penyelidik akan menyediakan beberapa rekaan busana kebaya pengantin moden Muslimah yang memerlukan responden memilih dan menanda pilihan mereka pada ruangan yang sudah disediakan serta jenis kain batik tempatan yang sesuai digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin.

### Bahagian A

Bahagian A terdiri daripada demografi responden-responden yang menjawab soal selidik tersebut dan ia mempunyai enam item iaitu umur, bangsa, agama, jantina, pekerjaan dan status. Responden perlu menanda pada bahagian yang berkenaan sahaja.

Jadual 3.3 (a): Demografi Responden

Umur:

18 Tahun – 22 Tahun	
23 Tahun – 28 Tahun	
29 Tahun – 34 Tahun	
35 Tahun – 40 Tahun	

Bangsa:

Melayu	
Cina	
India	
Lain-lain	

Agama:

Islam	
Buddha	

Jantina:

Lelaki	
Perempuan	

Hindu	
Lain-lain	

Pekerjaan:

Bekerja	
Tidak Bekerja	
Pelajar	

Status:

Berkahwin	
Bujang	

**Bahagian B**

Bahagian B, terdapat beberapa soalan objektif yang perlu responden pilih sama ada ia ‘YA’ atau ‘TIDAK’ di ruangan yang disediakan di dalam Jadual 1.

Jadual 3.3 (b): Soalan berkaitan dengan busana kebaya pengantin.

No	Soalan	Pilihan Jawapan	
		Ya	Tidak
1	Adakah anda meminati fesyen terutamanya fesyen busana pengantin?		
2	Adakah anda menyukai rekaan busana kebaya pengantin?		
3	Adakah busana kebaya kelihatan sangat menarik dan bergaya?		

4	Adakah pemilihan busana penting kepada pengguna?		
5	Adakah benar bahawa busana kebaya pengantin sesuai dihasilkan dengan menggunakan songket sahaja?		
6	Adakah anda bersetuju jika <i>modest fashion &amp; modern fashion</i> digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin?		
7	Perlukah pereka mengekalkan tradisi rekaan busana kebaya pengantin tersebut walaupun pereka menambahkan unsur moden pada busana tersebut?		
8	Adakah anda bersetuju rekaan busana kebaya pengantin dihasilkan secara moden tetapi masih mengekalkan tradisi Melayu dan patuh Syariah terutama bagi golongan yang beragama Islam?		
9	Adakah anda lebih menyukai busana kebaya pengantin berbanding busana pengantin moden pada masa kini seperti gaun?		
10	Adakah anda bersetuju jika pereka fesyen perlu mengekalkan rekaan busana kebaya dengan menggunakan songket?		
11	Adakah anda sangat peka terhadap rekaan busana pengantin terutamanya dari segi bentuk saiz ukurannya agar ia bersesuaian dengan badan pemakai?		

12	Adakah busana kebaya pengantin yang diperbuat daripada songket tidak memberi keselesaan kepada pemakai disebabkan kainnya tebal dan panas?		
13	Wajarkah penghasilan busana kebaya pengantin dikekalkan sehingga kini meskipun terlalu banyak rekaan moden pada masa kini?		
14	Adakah perlu rekaan busana kebaya dapat memenuhi citarasa pelanggan terutama dari segi jenis fabrik yang digunakan?		
15	Adakah busana kebaya pengantin moden yang direka kini akan memberi kesan kepada rekaan tradisi busana kebaya pada zaman dahulu?		

### Bahagian C

Untuk bahagian C, soalan adalah berkaitan dengan batik tempatan dan soalan tersebut diberikan dalam bentuk atau teknik skala likert.

Jadual 3.3 (c): Soalan berkaitan dengan batik tempatan.

Skala Likert	Tahap
ATS	Amat Tidak Setuju
TS	Tidak Setuju
S	Setuju
AS	Amat Setuju

No	Pertanyaan	Tahap			
		ATS	TS	S	AS
1	Batik tempatan sesuai digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin.				
2	Harga batik tempatan lebih murah berbanding harga songket.				
3	Penggabungan batik tempatan dan busana kebaya pengantin moden dapat menarik minat generasi muda.				
4	Adakah anda bersetuju jika batik tempatan digunakan sebagai pengganti kepada songket untuk pereka menghasilkan busana kebaya pengantin?				
5	Adakah batik tempatan bersesuaian jika digunakan bagi penghasilan busana kebaya pengantin?				
6	Adakah anda bersetuju jika penggunaan batik tempatan pada busana kebaya, ia akan memperkenalkan kembali penggunaan batik dalam pasaran tempatan?				
7	Batik tempatan berwarna terang atau gelap lebih sesuai berbanding batik tempatan berwarna lembut atau 'pastel' untuk busana kebaya pengantin.				
8	Adakah anda bersetuju jika batik tempatan tidak sesuai digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin?				

9	Pengimbangan penggunaan batik tempatan dapat setaraf dengan penggunaan songket yang semakin menjadi pilihan orang Melayu untuk dijadikan sebagai busana kebaya pengantin.			
10	Penggunaan batik tempatan dan rekaan busana kebaya maka ia dapat mengekalkan lagi nilai tradisional serta penggunaan produk tempatan meskipun rekaan busana kebaya pengantin tersebut direka dengan rekaan lebih moden & menepati ajaran Islam bagi pengguna yang beragama Islam.			
11	Pereka lebih mengagungkan rekaan fabrik dari luar negara berbanding rekaan fabrik tempatan.			
12	Penggunaan batik tempatan semakin berkurang pada masa kini.			
13	Batik tempatan mempunyai keistimewaannya tersendiri berbanding songket.			
14	Batik tempatan boleh mengekalkan tradisi Melayu tempatan meskipun rekaan busana kebaya dihasilkan mengikut trend busana pengantin moden kini.			
15	Batik tempatan boleh digunakan pada pelbagai jenis rekaan busana pengantin.			

## Bahagian D

Untuk bahagian D, disediakan beberapa rekaan busana kebaya pengantin moden Muslimah dan jenis kain batik tempatan yang memerlukan responden memilih dan menanda pilihan mereka pada ruangan yang sudah disediakan. Setiap responden perlu memilih dua rekaan busana kebaya pengantin moden Muslimah.

### 3.4 Data Analisis

Bagi proses analisis data, penyelidik memulakan proses analisis data dengan menganalisis semua data yang diperoleh dari kaedah kuantitatif iaitu kaedah soal selidik yang dilakukan. Untuk menganalisis data, penyelidik perlu membuat penelitian semula berdasarkan dari kaedah yang telah digunakan seperti pengumpulan data, pemilihan data dan pembentangan data. Untuk pengumpulan data, pengumpulan data melalui kaedah soal selidik. Penyelidik menghasilkan satu set soal selidik untuk dikumpulkan datanya selepas soalan tersebut diberikan kepada responden melalui aplikasi *Whatsapp*, *Telegram*, *Instagram* dan *Facebook* untuk responden jawab. Set soal selidik tersebut dihasilkan dengan menggunakan aplikasi *Google Form* yang akan memudahkan penyelidik untuk diberikan kepada responden menjawab. Set soal selidik tersebut dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D.

Selain itu, untuk pemilihan data pula adalah proses pemilihan data yang diperoleh selepas proses pengumpulan data. Penyelidik akan melihat hasil jawapan yang telah dijawab oleh responden yang ada pada aplikasi *Google Form* tersebut. Penyelidik akan mencatat susunan keputusan yang diberikan responden mengikut susunan yang betul.

Akhir sekali, pembentangan data. Penyelidik akan mentafsir segala data yang telah disusun keputusan mengikut susunan yang betul mengikut kategori jawapan dan hasil catatan tersebut akan dipindahkan di dalam aplikasi *Microsoft Word* iaitu hasil jadual dan hasil graf bar atau carta pai. Hal ini dilakukan supaya penyelidik dapat mendeskripsikan semua data berkaitan yang berhubungkait dengan tajuk projek penyelidikan iaitu inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan.

### 3.5 Target Kajian


Target kajian ini diambil dengan bilangan beberapa orang responden perempuan yang masing-masing terdiri daripada lingkungan umur dari 18 tahun hingga 40 tahun. Sebab responden perempuan sahaja dipilih sebagai responden kerana tajuk penyelidikan ini berkaitan dengan inovasi busana kebaya pengantin yang dipakai oleh pengantin perempuan sahaja. Oleh itu, golongan perempuan dipilih untuk menjawab soal selidik memandangkan terdapat sesetengah daripada mereka pernah memakai busana kebaya pengantin terutamanya bagi responden yang sudah berkahwin. Dengan itu, mereka akan mengetahui keselesaan mereka memakai busana tersebut.

Selain itu, untuk lingkungan umur pula, penyelidik mengambil responden lingkungan umur dari 18 tahun hingga 40 tahun kerana kebanyakan golongan dari generasi Y iaitu di antara umur yang lahir pada tahun 1980 hingga tahun 1999 bergantung dan terpengaruh sepenuhnya kepada internet terutama sosial media dan bergantung lebih kepada media mainstream. Oleh itu, mereka akan terpengaruh dengan rekaan-rekaan busana pengantin moden kini yang ada di dalam media sosial sehingga membuatkan

mereka ingin mewujudkan keinginan mereka untuk memakai busana pengantin seperti di dalam media sosial tersebut. Tambahan pula, untuk generasi Z pula iaitu di antara umur yang lahir pada tahun 1995 ke atas yang berusia 18 tahun yang sudah layak melayari alam perkahwinan akan bergantung sepenuhnya kepada internet dan percaya apa sahaja yang dilihat di internet seperti rekaan busana pengantin moden seperti kebaya yang diubah kepada moden dengan tambahan kainnya seperti kain duyung dan kain kembang. Oleh itu, penyelidik lebih memilih responden dalam lingkungan umur 18 tahun hingga 40 tahun untuk menjawab soal selidik.

Di samping itu, penyelidik juga berharap supaya kebanyakan responden yang menjawab soal selidik ini adalah responden yang beragama Islam kerana tajuk projek penyelidikan yang akan penyelidik jalankan berkait dengan inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Perkataan ‘Muslimah’ ini berkait rapat dengan individu yang beragama Islam iaitu bagi individu perempuan. Tujuan penyelidik memberi tumpuan pada pakaian Muslimah adalah kerana sesetengah rekaan busana moden yang dihasilkan tidak bersesuaian dengan perempuan yang beragama Islam disebabkan oleh rekaan busana tersebut kelihatan ketat, jarang dan singkat sehingga ia tidak memberi keselesaan kepada pengguna terutama kepada pengguna yang bertudung. Oleh sebab itu, penyelidik ingin menghasilkan rekaan busana kebaya Muslimah yang dapat memenuhi citarasa pengguna dan juga dapat patuh Syariah bagi pengguna yang beragama Islam.

### 3.6 Diagram Proses Kajian



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### ANALISIS DATA DAN HASIL KAJIAN

#### 4.1 PENDAHULUAN

Setelah memperolehi maklumat dengan mengumpul kesemua data yang dikehendaki melalui borang soal selidik yang telah disediakan kepada responden, kumpulan data tersebut dianalisis supaya penyelidik dapat melakukan rumusan. Analisis data diperolehi melalui statistik mengikut bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Kesemua jumlah responden yang menjawab borang soal selidik adalah seramai 55 orang responden.

#### 4.2 ANALISIS DATA

##### 4.2.1 Latar Belakang Responden

Bahagian ini merupakan bahagian A yang terdapat di dalam soal selidik bertajuk inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik

tempatan. Bahagian ini membincangkan berkaitan data analisis demografi responden yang terdiri daripada 55 orang responden. Jadual 4.2.1 merupakan demografi yang menerangkan latar belakang responden seperti umur, bangsa, agama, jantina, pekerjaan dan status.

NO	PERKARA	GOLONGAN	BILANGAN	PERATUS
1	Umur	18 Tahun – 22 Tahun	5	9.1%
		23 Tahun – 28 Tahun	32	<b>58.2%</b>
		29 Tahun – 34 Tahun	6	10.9%
		35 Tahun – 40 Tahun	12	21.8%
2	Bangsa	Melayu	<b>52</b>	<b>94.5%</b>
		Cina	2	3.6%
		India	1	1.8%
		Lain-lain	-	-
3	Agama	Islam	<b>52</b>	<b>94.5%</b>
		Buddha	2	3.6%
		Hindu	1	1.8%
		Lain-lain	-	-
4	Jantina	Lelaki	2	3.6%
		Perempuan	<b>53</b>	<b>96.4%</b>
5	Pekerjaan	Bekerja	<b>25</b>	<b>45.5%</b>
		Tidak Bekerja	5	9.1%
		Pelajar	<b>25</b>	<b>45.5%</b>
6	Status	Berkahwin	21	38.2%
		Bujang	<b>34</b>	<b>61.8%</b>

## **JUMLAH RESPONDEN: 55 ORANG RESPONDEN**


JADUAL 4.2.1 menunjukkan analisis data demografi responden yang menjawab borang soal selidik mengenai inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Di dalam demografi ini menerangkan latar belakang responden seperti umur, bangsa, agama, jantina, pekerjaan dan status. Jumlah keseluruhan responden yang menjawab borang soal selidik ini adalah seramai 55 orang responden.

### **4.2.2. SOAL SELIDIK BAHAGIAN A**

Bahagian A terdiri daripada demografi responden-responden yang menjawab soal selidik tersebut dan ia mempunyai enam item iaitu umur, bangsa, agama, jantina, pekerjaan dan status.

#### a) Umur


PERKARA	GOLONGAN	BILANGAN	PERATUS
Umur	18 Tahun – 22 Tahun	5	9.1%
	23 Tahun – 28 Tahun	32	58.2%
	29 Tahun – 34 Tahun	6	10.9%
	35 Tahun – 40 Tahun	12	21.8%
<b>JUMLAH RESPONDEN: 55 ORANG RESPONDEN</b>			



Untuk bahagian umur, golongan umur yang paling banyak menjawab borang soal selidik ini adalah responden yang berumur dalam lingkungan antara 23 tahun hingga 28 tahun iaitu seramai 32 orang bersamaan dengan 58.2%. Manakala golongan umur yang paling sedikit menjawab borang soal selidik ini adalah responden yang berumur antara 18 tahun hingga 22 tahun iaitu seramai 5 orang bersamaan dengan 9.1%.

b) Bangsa


PERKARA	GOLONGAN	BILANGAN	PERATUS
Bangsa	Melayu	52	94.5%
	Cina	2	3.6%
	India	1	1.8%
	Lain-lain	-	-
<b>JUMLAH RESPONDEN: 55 ORANG RESPONDEN</b>			



Untuk bangsa pula, golongan bangsa yang paling banyak menjawab borang soal selidik ini adalah responden yang berbangsa Melayu iaitu seramai 52 orang bersamaan dengan 94.5%. Manakala golongan umur yang paling sedikit menjawab borang soal selidik ini adalah responden yang berbangsa India iaitu 1 orang bersamaan 1.8%.

c) Agama


PERKARA	GOLONGAN	BILANGAN	PERATUS
Agama	Islam	<b>52</b>	<b>94.5%</b>
	Buddha	2	3.6%
	Hindu	1	1.8%
	Lain-lain	-	-
<b>JUMLAH RESPONDEN: 55 ORANG RESPONDEN</b>			



Untuk bangsa pula, golongan bangsa yang paling banyak menjawab borang soal selidik ini adalah responden yang berbangsa Melayu iaitu seramai 52 orang bersamaan dengan 94.5%. Manakala golongan umur yang paling sedikit menjawab borang soal selidik ini adalah responden yang berbangsa India iaitu 1 orang bersamaan 1.8%.

d) Jantina


PERKARA	GOLONGAN	BILANGAN	PERATUS
Jantina	Lelaki	2	3.6%
	Perempuan	53	96.4%
<b>JUMLAH RESPONDEN: 55 ORANG RESPONDEN</b>			



Untuk jantina, golongan jantina yang paling banyak menjawab borang soal selidik ini adalah golongan perempuan iaitu seramai 53 orang bersamaan dengan 96.4%. Manakala golongan lelaki yang paling sedikit menjawab borang soal selidik ini iaitu 2 orang bersamaan 3.6%.

e) Pekerjaan


PERKARA	GOLONGAN	BILANGAN	PERATUS
Pekerjaan	Bekerja	25	<b>45.5%</b>
	Tidak Bekerja	5	9.1%
	Pelajar	<b>25</b>	<b>45.5%</b>
<b>JUMLAH RESPONDEN: 55 ORANG RESPONDEN</b>			



Untuk pekerjaan, golongan pekerjaan yang paling banyak menjawab borang soal selidik ini adalah golongan pelajar dan golongan bekerja iaitu seramai 25 orang bersamaan dengan 45.5%. Manakala golongan tidak bekerja yang paling sedikit menjawab borang soal selidik ini iaitu 5 orang bersamaan 9.1%.

f) Status

PERKARA	GOLONGAN	BILANGAN	PERATUS
Status	Berkahwin	21	38.2%
	Bujang	34	61.8%
<b>JUMLAH RESPONDEN: 55 ORANG RESPONDEN</b>			



Status pula, golongan berstatus yang paling banyak menjawab borang soal selidik ini adalah golongan bujang seramai 34 orang bersamaan dengan 61.8%. Manakala berkahwin yang paling sedikit menjawab borang soal selidik ini iaitu 21 orang bersamaan 38.2%.

#### 4.2.3 SOAL SELIDIK BAHAGIAN B

Bahagian B, terdapat beberapa soalan objektif yang mempunyai dua pilihan iaitu ‘YA’ atau ‘TIDAK’. Soalan ini adalah berkaitan dengan busana kebaya pengantin. Jadual di bawah ini menunjukkan dapatan kajian daripada soalan selidik yang diberikan kepada responden. Melalui maklumat yang diperolehi ini, penyelidik dapat mengetahui dengan jelas analisis data tentang pendapat responden berkaitan dengan busana kebaya

pengantin. Hasil dapatan kajian telah diperolehi oleh penyelidik melalui analisis soalan objektif yang mempunyai dua pilihan iaitu ‘YA’ atau ‘TIDAK’ di dalam borang tersebut.

#### 4.2.3 (i) Jumlah Bilangan Responden Menjawab ‘YA’ atau ‘TIDAK’.

NO	SOALAN	BILANGAN	
		YA	TIDAK
1	Adakah anda meminati fesyen terutamanya fesyen busana pengantin?	<b>50</b> <b>(90.9%)</b>	5 (9.1%)
2	Adakah anda menyukai rekaan busana kebaya pengantin?	<b>48</b> <b>(87.3%)</b>	7 (12.7%)
3	Adakah busana kebaya kelihatan sangat menarik dan bergaya?	<b>50</b> <b>(90.9%)</b>	5 (9.1%)
4	Adakah pemilihan busana penting kepada pengguna?	<b>52</b> <b>(94.5%)</b>	3 (5.5%)
5	Adakah benar bahawa busana kebaya pengantin sesuai dihasilkan dengan menggunakan songket sahaja?	8 (14.5%)	<b>47</b> <b>(85.5%)</b>
6	Adakah anda bersetuju jika <i>modest fashion &amp; modern fashion</i> digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin?	<b>47</b> <b>(85.5%)</b>	8 (14.5%)
7	Perlukah pereka mengekalkan tradisi rekaan busana kebaya pengantin tersebut walaupun pereka menambahkan unsur moden pada busana tersebut?	<b>54</b> <b>(98.2%)</b>	1 (1.8%)

8	Adakah anda bersetuju rekaan busana kebaya pengantin dihasilkan secara moden tetapi masih mengekalkan tradisi Melayu dan patuh Syariah terutama bagi golongan yang beragama Islam?	<b>54</b> <b>(98.2%)</b>	1 (1.8%)
9	Adakah anda lebih menyukai busana kebaya pengantin berbanding busana pengantin moden pada masa kini seperti gaun?	<b>36</b> <b>(65.5%)</b>	19 (34.5%)
10	Adakah anda bersetuju jika pereka fesyen perlu mengekalkan rekaan busana kebaya dengan menggunakan songket?	27 (49.1%)	<b>28</b> <b>(50.9%)</b>
11	Adakah anda sangat peka terhadap rekaan busana pengantin terutamanya dari segi bentuk saiz ukurannya agar ia bersesuaian dengan badan pemakai?	<b>49</b> <b>(89.1%)</b>	6 (10.9%)
12	Adakah busana kebaya pengantin yang diperbuat daripada songket tidak memberi keselesaan kepada pemakai disebabkan kainnya tebal dan panas?	<b>30</b> <b>(54.5%)</b>	25 (45.5%)
13	Wajarkah penghasilan busana kebaya pengantin dikekalkan sehingga kini meskipun terlalu banyak rekaan moden pada masa kini?	<b>53</b> <b>(96.4%)</b>	2 (3.6%)
14	Adakah perlu rekaan busana kebaya dapat memenuhi citarasa pelanggan terutama dari segi jenis fabrik yang digunakan?	<b>54</b> <b>(98.2%)</b>	1 (1.8%)
15	Adakah busana kebaya pengantin moden yang direka kini akan memberi kesan kepada rekaan tradisi busana kebaya pada zaman dahulu?	<b>41</b> <b>(74.5%)</b>	14 (25.5%)

JADUAL 4.2.3(i) menunjukkan analisis data responden yang menjawab borang soal selidik mengenai inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Di dalam soal selidik ini menerangkan jumlah keputusan daripada responden yang menjawab 15 soalan yang memerlukan mereka menjawab YA atau TIDAK. Soalan ini berkaitan dengan busana kebaya pengantin.

#### 4.2.3 (ii) Purata Soalan Umum

Bahagian ini merupakan purata yang diperolehi melalui soalan umum mengenai pengurangan penggunaan batik lukis di dalam fesyen.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Soalan 1: Peratus Analisis Bagi Soalan Satu Yang Diberikan Kepada Responden

Berdasarkan soalan 1 adalah menunjukkan nilai peratus bagi responden yang memberi respon berdasarkan soalan yang diberikan. Responden

dikehendaki menjawab sama ada responden meminati fesyen terutamanya fesyen busana pengantin. Majoriti daripada responden bersetuju bahawa mereka meminati fesyen busana pengantin dengan jumlah 90.9% seramai 50 orang yang menjawab ‘Ya’ manakala selebihnya tidak meminati fesyen busana pengantin dengan jumlah 9.1% seramai 5 orang.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Soalan 2: Peratus Analisis Bagi Soalan Dua Yang Diberikan Kepada Responden.

Soalan 2 menunjukkan nilai peratus bagi responden yang memberi respon berdasarkan soalan kedua yang diberikan kepada responden untuk responden jawab. Responden dikehendaki memberi respon mengenai rekaan busana kebaya pengantin sama ada responden menyukai rekaan busana tersebut ataupun sebaliknya. Majoriti responden menjawab menyukai rekaan busana kebaya pengantin dengan seramai 48 orang responden berjumlah 87.3% manakala responden yang tidak menyukai rekaan busana kebaya pengantin adalah seramai 7 orang responden dengan jumlah 12.7%.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Soalan 3: Peratus Analisis Bagi Soalan Tiga Yang Diberikan Kepada Responden.


Soalan 3 menerangkan mengenai nilai peratus bagi responden yang memberi respon berdasarkan soalan ketiga yang diberikan pilihan jawapan sama ada YA atau TIDAK. Responden dikehendaki menjawab soalan mengenai sama ada YA atau TIDAK busana kebaya pengantin moden kelihatan sangat menarik dan bergaya. Majoriti daripada responden menjawab YA dengan jumlah 90.9% iaitu seramai 50 orang responden yang bersetuju busana kebaya pengantin moden sangat menarik dan bergaya manakala responden yang menjawab TIDAK adalah 9.1% iaitu seramai 5 orang.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Soalan 4: Peratus Analisis Bagi Soalan Empat Yang Diberikan Kepada Responden.


Soalan 4 menunjukkan nilai peratus bagi responden yang memberi respon berdasarkan soalan keempat yang diberikan kepada mereka untuk mereka jawab. Responden dikehendaki memberi respon mengenai pemilihan busana sama ada busana pengantin penting kepada pengguna atau tidak penting kepada pengguna. Majoriti daripada responden menjawab YA seramai 52 orang responden dengan jumlah 94.5% manakala responden yang menjawab TIDAK seramai 3 orang responden dengan jumlah 5.5%.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

### Soalan 5: Peratus Analisis Bagi Soalan Lima Yang Diberikan Kepada Responden.

Berdasarkan soalan 5 melalui carta bar tersebut adalah menunjukkan nilai peratus bagi responden yang memberi respon berdasarkan soalan kelima yang diberikan pilihan jawapan iaitu YA atau TIDAK. Responden dikehendaki menjawab soalan mengenai sama ada benar bahawa busana kebaya pengantin sesuai dihasilkan dengan menggunakan songket sahaja. Majoriti daripada responden menjawab YA dengan jumlah peratus 14.5% iaitu seramai 8 orang manakala responden yang menjawab TIDAK adalah seramai 47 orang bersamaan dengan 85.5%.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

### Soalan 6: Peratus Analisis Bagi Soalan Enam Yang Diberikan Kepada Responden.

Soalan 6 melalui carta bar menunjukkan nilai peratus bagi responden yang memberi respon berdasarkan soalan keenam yang diberikan pilihan jawapan juga iaitu YA atau TIDAK. Soalan keenam adalah berkaitan dengan *modest fashion* dan *modern fashion* sama ada responden bersetuju atau tidak jika *modest fashion* dan *modern fashion* digunakan untuk

menghasilkan busana kebaya pengantin. Ramai responden yang bersetuju dengan jumlah peratus 85.5% iaitu seramai 47 orang manakala responden yang tidak bersetuju seramai 8 orang bersamaan dengan 14.5%.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Soalan 7: Peratus Analisis Bagi Soalan Tujuh Yang Diberikan Kepada Responden.

Melalui soalan 7 carta bar menyatakan nilai peratus bagi responden yang memberi respon. Responden diekehendaki menjawab berkaitan sama ada perlu atau tidak perlu pereka mengekalkan tradisi rekaan busana kebaya pengantin tersebut walaupun pereka menambahkan unsur moden pada busana tersebut. Majoriti daripada responden menjawab YA dengan jumlah peratus 98.2% iaitu seramai 54 orang responden manakala responden menjawab TIDAK adalah 1 orang sahaja dengan nilai 1.8%.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Soalan 8: Peratus Analisis Bagi Soalan Lapan Yang Diberikan Kepada Responden.


Soalan 8 menerangkan mengenai nilai peratus bagi responden yang memberi respon berdasarkan soalan kelapan yang diberikan pilihan jawapan sama ada YA atau TIDAK. Responden dikehendaki menjawab soalan mengenai sama ada responden bersetuju rekaan busana kebaya pengantin dihasilkan secara moden tetapi masih mengekalkan tradisi Melayu dan patuh Syariah terutama bagi golongan yang beragama Islam. Majoriti daripada responden menjawab YA dengan nilai peratus 98.2% iaitu seramai 54 orang responden manakala responden menjawab TIDAK adalah seramai 1 orang iaitu 1.8%.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Soalan 9: Peratus Analisis Bagi Soalan Sembilan Yang Diberikan Kepada Responden.

Berdasarkan soalan 9 melalui carta bar tersebut adalah menunjukkan nilai peratus bagi responden yang memberi respon berdasarkan soalan sembilan yang diberikan pilihan jawapan iaitu YA atau TIDAK. Responden dikehendaki menjawab soalan mengenai sama ada responden lebih menyukai busana kebaya pengantin berbanding busana pengantin moden pada masa kini seperti gaun. Majoriti daripada responden menjawab YA dengan jumlah peratus 65.5% iaitu seramai 36 orang manakala responden yang menjawab TIDAK adalah seramai 19 orang bersamaan dengan 34.5%.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Soalan 10: Peratus Analisis Bagi Soalan Sepuluh Yang Diberikan Kepada Responden.

Berdasarkan soalan 10 adalah menunjukkan nilai peratus bagi responden yang memberi respon berdasarkan soalan yang diberikan. Responden dikehendaki menjawab sama ada ada bersetuju jika pereka fesyen perlu mengekalkan rekaan busana kebaya dengan menggunakan songket. Majoriti daripada responden TIDAK bersetuju jika pereka fesyen mengekalkan rekaan busana kebaya menggunakan songket dengan jumlah 50.9% seramai 28 orang manakala selebihnya bersetuju dengan jumlah 49.1% seramai 27 orang.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Soalan 11: Peratus Analisis Bagi Soalan Sebelas Yang Diberikan Kepada Responden.

Soalan 11 menerangkan mengenai nilai peratus bagi responden yang memberi respon berdasarkan soalan sebelas yang diberikan pilihan jawapan sama ada YA atau TIDAK. Responden dikehendaki menjawab soalan mengenai sama ada mereka sangat peka atau tidak terhadap rekaan busana pengantin terutamanya dari segi bentuk saiz ukurannya agar ia bersesuaian dengan badan pemakai. Majoriti daripada responden menjawab YA dengan jumlah 89.1% iaitu seramai 49 orang responden yang bersetuju busana kebaya pengantin moden yang direka pada masa kini akan memberi kesan kepada rekaan tradisi busana kebaya pada zaman dahulu manakala responden yang menjawab TIDAK adalah 10.9% iaitu seramai 6 orang.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Soalan 12: Peratus Analisis Bagi Soalan Dua Belas Yang Diberikan Kepada Responden.

Soalan 12 menunjukkan responden yang menjawab YA bagi soalan berkaitan sama ada responden bersetuju atau tidak busana kebaya pengantin yang diperbuat daripada songket tidak memberi keselesaan kepada pemakai disebabkan kainnya yang tebal dan panas. Seramai 30 orang responden yang menjawab YA dengan jumlah 54.5% manakala 25 orang responden yang menjawab TIDAK dengan jumlah peratus 45.5%.




Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Soalan 13: Peratus Analisis Bagi Soalan Tiga Belas Yang Diberikan Kepada Responden.

Soalan 13 menunjukkan responden yang menjawab YA bagi soalan berkaitan dengan sama ada wajar jika penghasilan busana kebaya pengantin dikekalkan sehingga kini meskipun terlalu banyak rekaan moden pada masa kini. Seramai 53 orang responden yang menjawab YA dengan jumlah 96.4% dan hanya 2 orang sahaja responden yang menjawab TIDAK dengan jumlah peratus 3.6%.

14. Adakah perlu rekaan busana kebaya dapat memenuhi citarasa pelanggan terutama dari segi jenis fabrik yang digunakan?

55 responses




Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Soalan 14: Peratus Analisis Bagi Soalan Empat Belas Yang Diberikan Kepada Responden.

Soalan 14 menunjukkan responden yang menjawab YA bagi soalan berkaitan dengan rekaan busana kebaya sama ada rekaan busana kebaya perlu atau tidak memenuhi citarasa pelanggan terutama dari segi jenis fabrik yang digunakan. Seramai 54 orang responden yang menjawab YA dengan jumlah 98.2% manakala hanya 1 orang sahaja responden yang menjawab TIDAK dengan jumlah peratus 1.8%.

15. Adakah busana kebaya pengantin moden yang direka kini akan memberi kesan kepada rekaan tradisi busana kebaya pada zaman dahulu?

55 responses



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

### Soalan 15: Peratus Analisis Bagi Soalan Lima Belas Yang Diberikan Kepada Responden.

Soalan 15 menerangkan mengenai nilai peratus bagi responden yang memberi respon berdasarkan soalan lima belas yang diberikan pilihan jawapan sama ada YA atau TIDAK. Responden dikehendaki menjawab soalan mengenai sama ada mereka bersetuju atau tidak jika busana kebaya pengantin moden yang direka kini akan memberi kesan kepada rekaan tradisi busana kebaya pada zaman dahulu. Majoriti daripada responden menjawab YA dengan jumlah 74.5% iaitu seramai 41 orang responden yang bersetuju busana kebaya pengantin moden yang direka pada masa kini akan memberi kesan kepada rekaan tradisi busana kebaya pada zaman dahulu manakala responden yang menjawab TIDAK adalah 25.5% iaitu seramai 14 orang.

#### 4.2.4 SOAL SELIDIK BAHAGIAN C

Untuk bahagian C, soalan adalah berkaitan dengan batik tempatan dan soalan tersebut diberikan dalam bentuk atau teknik skala likert. Hasil dapatan kajian telah diperoleh oleh penyelidik melalui analisis skala likert yang merujuk kepada pernyataan Amat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Setuju dan Amat Setuju.

##### 4.2.4 (i) Jumlah Bilangan Responden Menjawab Soalan Selidik Skala Likert

NO	SOALAN	BILANGAN (ORANG RESPONDEN)			
		ATS	TS	S	AS
1	Batik tempatan sesuai digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin.	-	3	35	17
2	Harga batik tempatan lebih murah berbanding harga songket.	2	6	29	18
3	Penggabungan batik tempatan dan busana kebaya pengantin moden dapat menarik minat generasi muda.	-	-	30	25
4	Adakah anda bersetuju jika batik tempatan digunakan sebagai pengganti kepada songket untuk pereka menghasilkan busana kebaya pengantin?	-	11	23	21
5	Adakah batik tempatan bersesuaian jika digunakan bagi penghasilan busana kebaya pengantin?	-	7	29	19
6	Adakah anda bersetuju jika penggunaan batik tempatan pada busana kebaya, ia akan memperkenalkan kembali penggunaan batik di dalam pasaran tempatan?	-	1	31	23
7	Batik tempatan berwarna terang atau gelap lebih sesuai berbanding batik tempatan berwarna lembut atau 'pastel' untuk busana kebaya pengantin.	1	18	17	19


8	Adakah anda bersetuju jika batik tempatan tidak sesuai digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin?	5	27	15	6
9	Pengimbangan penggunaan batik tempatan dapat setaraf dengan penggunaan songket yang semakin menjadi pilihan orang Melayu untuk dijadikan sebagai busana kebaya pengantin.	-	2	32	21
10	Penggunaan batik tempatan dan rekaan busana kebaya maka ia dapat mengekalkan lagi nilai tradisional serta penggunaan produk tempatan meskipun rekaan busana kebaya pengantin tersebut direka dengan rekaan lebih moden & menepati ajaran Islam bagi pengguna yang beragama Islam.	-	-	33	21
11	Pereka lebih mengagungkan rekaan fabrik dari luar negara berbanding rekaan fabrik tempatan.	3	15	20	17
12	Penggunaan batik tempatan semakin berkurang pada masa kini.	2	6	26	20
13	Batik tempatan mempunyai keistimewaannya tersendiri berbanding songket.	-	-	34	21
14	Batik tempatan boleh mengekalkan tradisi Melayu tempatan meskipun rekaan busana kebaya dihasilkan mengikut trend busana pengantin moden kini.	-	-	33	22

15	Batik tempatan boleh digunakan pada pelbagai jenis rekaan busana pengantin.	-	3	27	25
----	---	---	---	----	----

JADUAL 4.2.4 (i) menunjukkan analisis data responden yang menjawab borang soal selidik mengenai inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Di dalam soal selidik ini mengandungi soalan jenis skala likert yang memerlukan responden memilih 1 sahaja jawapan daripada 4 pilihan jawapan. Soalan skala likert ini mengandungi 15 soalan yang berkaitan dengan batik tempatan.

#### 4.2.4 (ii) PURATA SOALAN UMUM


Bahagian ini merupakan purata yang diperolehi melalui soalan umum mengenai pengurangan penggunaan batik lukis di dalam fesyen.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Soalan 1: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Satu


Soalan 1 menunjukkan jumlah responden yang menjawab soalan satu berkaitan dengan batik tempatan yang sesuai digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin. Berdasarkan graf tersebut responden ramai setuju iaitu seramai 35 orang manakala seramai 17 orang responden amat setuju dan sebaliknya 3 orang responden yang tidak setuju.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

#### Soalan 2: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Dua


Soalan 2 menunjukkan jumlah responden yang menjawab soalan dua berkaitan dengan harga batik tempatan lebih murah berbanding harga songket. Berdasarkan graf tersebut responden ramai setuju iaitu seramai 29 orang manakala seramai 18 orang responden amat setuju dan sebaliknya 6 orang responden yang tidak setuju dan 2 orang responden amat tidak setuju.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

#### Soalan 3: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Tiga

Soalan 3 menunjukkan jumlah responden yang menjawab soalan tiga berkaitan dengan pendapat responden mengenai penggabungan batik tempatan dan busana kebaya pengantin moden dapat menarik minat generasi muda. Berdasarkan graf tersebut responden ramai setuju iaitu seramai 30 orang manakala seramai 25 orang responden amat setuju.




Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

#### Soalan 4: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Empat

Soalan 4 menunjukkan jumlah responden yang menjawab soalan empat berkaitan dengan pendapat responden sama ada responden bersetuju atau


tidak bersetuju jika batik tempatan digunakan sebagai pengganti kepada songket untuk pereka menghasilkan busana kebaya pengantin. Berdasarkan graf tersebut majoriti responden setuju dengan jumlah seramai 23 orang, amat setuju seramai 21 orang manakala responden yang tidak setuju seramai 11 orang.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

#### Soalan 5: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Lima

Soalan 5 menunjukkan jumlah responden yang menjawab soalan lima mengenai sama ada batik tempatan bersesuaian jika digunakan bagi penghasilan busana kebaya pengantin. Seramai 29 orang responden yang setuju, 19 orang amat setuju dan 7 orang tidak setuju.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

#### Soalan 6: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Enam

Soalan 6 menunjukkan respon responden mengenai soalan enam berkaitan dengan jawapan responden sama ada responden bersetuju atau tidak setuju jika penggunaan batik tempatan pada busana kebaya, ia akan memperkenalkan kembali penggunaan batik di dalam pasaran tempatan. Seramai 31 orang responden yang setuju dan 23 orang responden yang amat setuju manakala sebaliknya seramai 1 orang responden yang tidak setuju.




Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

#### Soalan 7: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Tujuh

Soalan 7 menunjukkan jumlah responden yang menjawab soalan tujuh berkaitan dengan batik tempatan berwarna terang atau gelap lebih sesuai berbanding batik tempatan berwarna lembut atau 'pastel' untuk busana kebaya pengantin. Berdasarkan graf tersebut responden ramai amat setuju iaitu seramai 19 orang manakala seramai 17 orang responden amat setuju

dan sebaliknya 18 orang responden yang tidak setuju dan 1 orang responden amat tidak setuju.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

#### Soalan 8: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Lapan

Soalan 8 menunjukkan jumlah responden yang menjawab soalan lapan sama ada responden bersetuju atau tidak bersetuju jika batik tempatan tidak sesuai digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin.

Berdasarkan graf tersebut responden ramai tidak setuju iaitu seramai 27 orang manakala seramai 5 orang responden amat tidak setuju dan sebaliknya 15 orang responden yang setuju dan 6 orang responden amat tidak setuju.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

#### Soalan 9: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Sembilan

Soalan 9 menunjukkan jumlah responden yang menjawab soalan sembilan berkaitan dengan pengimbangan penggunaan batik tempatan dapat setaraf dengan penggunaan songket yang semakin menjadi pilihan orang Melayu untuk dijadikan sebagai busana kebaya pengantin. Berdasarkan graf tersebut majoriti responden setuju dengan jumlah seramai 32 orang, amat setuju seramai 21 orang manakala responden yang tidak setuju seramai 2 orang.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

#### Soalan 10: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Sepuluh

Soalan 10 menunjukkan jumlah responden yang menjawab soalan berkaitan dengan penggunaan batik tempatan dan rekaan busana kebaya maka ia dapat mengekalkan lagi nilai tradisional serta penggunaan produk tempatan meskipun rekaan busana kebaya pengantin tersebut direka dengan lebih moden dan menepati ajaran Islam bagi pengguna yang beragama Islam. Berdasarkan graf tersebut responden ramai yang setuju iaitu seramai 33 orang manakala seramai 21 orang responden amat setuju.

**Soalan 11**

Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

**Soalan 11: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Sebelas**

Soalan 11 menunjukkan jumlah responden yang menjawab soalan mengenai pereka lebih mengagungkan rekaan fabrik dari luar negara berbanding rekaan fabrik tempatan. Berdasarkan graf tersebut majoriti responden setuju iaitu 20 orang responden manakala responden amat setuju seramai 17 orang. Sebaliknya, jumlah responden yang tidak setuju adalah seramai 15 orang dan 3 orang yang amat tidak setuju.

**Soalan 12**

Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

**Soalan 12: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Dua Belas**

Soalan 12 menunjukkan jumlah responden yang menjawab soalan selidik berkaitan dengan pendapat responden mengenai penggunaan batik


tempatan semakin berkurang pada masa kini. Jumlah menunjukkan majoriti responden setuju iaitu seramai 26 orang dan amat setuju seramai 20 orang. Sebaliknya responden tidak setuju seramai 6 orang dan amat tidak setuju seramai 2 orang.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

#### Soalan 13: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Tiga Belas


Soalan 13 menunjukkan respon responden mengenai soalan selidik yang berkaitan dengan batik tempatan mempunyai keistimewaan tersendiri berbanding songket. Seramai 34 orang responden yang setuju dan 21 orang responden yang amat setuju.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

#### Soalan 14: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Empat Belas

Soalan 14 menunjukkan respon responden mengenai soalan empat belas berkaitan dengan batik tempatan boleh mengekalkan tradisi Melayu tempatan meskipun rekaan busana kebaya dihasilkan mengikut trend busana pengantin moden kini. Seramai 33 orang responden yang setuju dan 22 orang responden yang amat setuju.



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

#### Soalan 15: Jumlah Responden Yang Menjawab Soalan Lima Belas




Soalan 15 menunjukkan respon responden mengenai soalan lima belas berkaitan dengan batik tempatan boleh digunakan pada pelbagai jenis rekaan busana pengantin. Seramai 27 orang responden yang setuju dan 25 orang responden yang amat setuju manakala sebaliknya seramai 3 orang responden yang tidak setuju dengan batik tempatan boleh digunakan pada pelbagai jenis rekaan busana pengantin.


#### 4.2.5 SOAL SELIDIK BAHAGIAN D

Untuk soalan selidik bahagian D adalah berkaitan dengan rekaan busana kebaya pengantin moden Muslimah dan jenis kain batik tempatan yang memerlukan responden memilih dan menanda pilihan mereka pada ruangan yang sudah disediakan. Setiap responden perlu memilih tiga rekaan busana kebaya pengantin moden Muslimah dan tiga jenis kain batik.

#### 4.2.5 (i) 10 Rekaan Busana Kebaya Pengantin

Ini merupakan 10 jenis daripada 30 rekaan busana kebaya pengantin yang dimasukkan di dalam aplikasi *Google Form* untuk responden pilih. Rekaan yang direka adalah berkait dengan tajuk projek penyelidikan iaitu inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Setiap responden perlu memilih 3 jenis sahaja rekaan busana kebaya mengikut citarasa responden.

Rekaan 1		Rekaan 6	
Rekaan 2		Rekaan 7	
Rekaan 3		Rekaan 8	
Rekaan 4			Rekaan 9



Jadual 4.2.5 (i): Rekaan Busana Kebaya Pengantin

#### 4.2.5 (ii) 10 Jenis Kain Batik

Ini merupakan 10 jenis kain batik yang dimasukkan di dalam aplikasi *Google Form* untuk responden pilih. Kain batik yang dimasukkan adalah berkaitan dengan tajuk projek penyelidikan iaitu inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Kain batik ini merupakan


keluaran daripada Batik Exclusive Kelantan. Setiap responden perlu memilih 3 jenis sahaja kain batik mengikut citarasa responden.

Batik 1	Batik 6
 V8	 V 69
Batik 2	Batik 7
 V25	 V 68
Batik 3	Batik 8
 V29	 V 66



Jadual 4.2.5(ii): Kain Batik


## 4.2.5 (iii) Rekaan Busana Kebaya Pengantin dan Kain Batik Akhir



Sumber: Salin Daripada *Google Form* (2021)

Rajah 4.2.5 (iii) Jumlah Responden Yang Memilih Rekaan Busana Kebaya


Rajah 4.2.5 (iii) menunjukkan respon responden terhadap rekaan busana kebaya pengantin. Rekaan yang paling banyak responden pilih adalah rekaan 9 iaitu seramai 37 orang responden bersamaan dengan 67.3%. Rekaan kedua yang banyak dipilih oleh responden adalah rekaan 2 dan 5 yang sama jumlah responden iaitu 27 orang bersamaan dengan 49.1%.



Gambar: Rekaan 9


Gambar di atas merupakan rekaan 9 yang menjadi pilihan paling banyak yang dipilih oleh responden. Untuk reka bentuk kebaya rekaan 9 ini adalah kebaya labuh yang menyerupai seperti *cardigan* untuk bahagian luar dengan tambahan *dart* pada bahagian belakang. Jenis lengan pula adalah lengan *trumpet*. Untuk bahagian dalam pula adalah baju *dress* biasa yang akan dijahit dimana bahagian hadapannya dipotong terpisah kemudian dicantumkan dan diletakkan pario serta terdapat *dart* di bahagian hadapan dan belakang. Manakala untuk bahagian bawahan iaitu kain adalah kain

duyung. Untuk bahagian luar iaitu penyelidik akan menggunakan kain batik dan untuk bahagian dalam penyelidik akan menggunakan kain *satin*.



Gambar: Rekaan 2

Gambar di atas pula merupakan rekaan 2 yang menjadi pilihan kedua yang dipilih oleh responden. Untuk reka bentuk kebaya rekaan 2 ini adalah kebaya labuh pada paras bawah lutut dan jenis lengan pula adalah lengan biasa dan tulip. Untuk bahagian baju digunakan kain batik dan juga ditambahkan butang di bahagian hadapan, dan terdapat *dart* di bahagian hadapan dan belakang. Zip pula di bahagian belakang. Manakala untuk bahagian bawahan iaitu kain adalah kain duyung. Untuk bahagian atasan baju penyelidik akan menggunakan kain batik pada bahagian hadapan dan belakang baju dengan tambahan *lace* dan kain *satin* pada bahagian lengan. Untuk bahagian bawahan kain pula penyelidik akan menggunakan kain *satin*.



Sumber: Salin Daripada *Google Form*

Rajah 4.2.5 (iii): Jumlah Responden Yang Memilih Kain Batik



Gambar: Kain Batik

Gambar di atas merupakan kain batik yang menjadi pilihan paling banyak yang dipilih oleh responden. Kain batik ini merupakan keluaran daripada Batik Exclusive Kelantan. Ramai responden bersetuju jika batik tempatan yang berwarna gelap lebih sesuai berbanding dengan batik tempatan yang berwarna lembu atau *pastel*. Oleh itu, ramai responden yang memilih batik ini kerana warnanya yang gelap dan coraknya juga cantik.

#### 4.2.6 Pemerhatian

Pemerhatian adalah pemerolehan maklumat secara aktif dari sumber utama. Dalam sains, pemerhatian juga boleh melibatkan persepsi dan rakaman data melalui penggunaan instrumen saintifik. Istilah ini juga boleh merujuk kepada data yang dikumpulkan semasa aktiviti ilmiah. Pemerhatian boleh bersifat kualitatif, iaitu hanya ketiadaan maklumat yang dicatat atau kuantitatif jika nilai numerikal dilampirkan pada fenomena yang diperhatikan dengan cara menghitung atau mengukur. (*Observation*, 2001. November 17). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 09:36, Jun 11, 2021 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Observation>.

Hasil pemerhatian penyelidik berdasarkan hasil keputusan soal selidik, kebanyakannya responden sangat menyukai busana kebaya pengantin. Responden juga bersetuju jika pemilihan busana kebaya amat penting bagi pengguna kerana busana kebaya kelihatan menarik dan bergaya. Responden juga bersetuju jika *modest fashion* dan *modern fashion* digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin. Responden juga bersetuju jika pereka busana perlu mengekalkan tradisi rekaan busana kebaya pengantin tersebut walaupun pereka menambahkan unsur moden pada busana kebaya tersebut dan rekaan busana kebaya pengantin dihasilkan secara moden tetapi masih mengekalkan tradisi Melayu dan patuh Syariah terutama bagi golongan yang beragama Islam.

Bagi penggunaan batik tempatan pula, ramai responden yang bersetuju jika batik tempatan sesuai digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin. Jika batik tempatan digunakan dalam penghasilan busana pengantin maka ia juga akan memperkenalkan kembali penggunaan batik tempatan.

Tambahan pula, ia juga akan menjadi bukti bahawa batik tempatan juga sesuai digunakan untuk menghasilkan busana pengantin selain daripada baju *blouse*, *t-shirt* dan aksesori. Selain itu, untuk busana kebaya pengantin responden bersetuju jika ia sesuai menggunakan batik tempatan yang berwarna gelap atau terang berbanding warna lembut atau ‘*pastel*’.

#### 4.3 Proses Rekabentuk Fesyen

##### 4.3.1 Konsep Rekabentuk

Produk rekabentuk busana kebaya bagi projek penyelidikan ini dihasilkan dengan menggunakan dua jenis fabrik iaitu batik dan *satin*. Rekaan busana kebaya ini juga diinovasikan daripada busana kebaya tetapi ia diubah dengan penambahan rekaan moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Untuk busana kebaya sering digunakan songket tetapi penyelidik menggantikannya dengan menggunakan batik untuk menghasilkan produk akhir dengan tambahan kain *satin* agar ia kelihatan moden.

Selain itu, tambahan manik, butang dan *lace* juga akan melengkapkan lagi rekaan busana tersebut agar ia kelihatan moden. Kain batik juga sangat bersesuaian jika ia digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin kerana kainnya yang begitu lembut dan tidak panas. Kain batik adalah kain *cotton* lembut. Oleh itu, kain batik tersebut sesuai dipakai oleh pengantin disebabkan kainnya yang lembut dan kurang panas. Penggunaan warna bagi produk akhir ini adalah warna gelap kerana ia sangat bersesuaian dengan

busana pengantin. Hal ini demikian kerana kain batik yang dihasilkan mempunyai rekaan corak yang berwarna warni. Oleh itu, jika kain tersebut berwarna gelap maka rekaan corak tersebut akan kelihatan menyerlah dengan warnanya.

Pasaran sasaran untuk busana kebaya ini adalah golongan perempuan yang terdiri daripada lingkungan umur dari 18 tahun hingga 40 tahun. Sebab golongan perempuan sahaja dipilih adalah kerana tajuk penyelidikan ini berkaitan dengan inovasi busana kebaya pengantin yang dipakai oleh pengantin perempuan sahaja. Konsep reka bentuk untuk penghasilan rekaan ini adalah untuk dipakai semasa di majlis persandingan kerana ia adalah rekaan busana kebaya pengantin.

#### 4.3.2 Kajian warna





Rajah 4.3.2: Kajian Warna Bagi Kain Silk dan Kain Batik (Diambil daripada Web Rasmi Pantone, Google Image dan Batik Exclusive

Warna bagi produk busana kebaya pengantin adalah warna ungu. Ungu merujuk kepada pelbagai warna antara merah dan biru. Ungu berkait rapat dengan warna *violet*. Dalam optik, ungu dan *violet* adalah campuran cahaya merah cahaya biru, sedangkan *violet* adalah warna spektrum. (*Purple*, 2002. Februari 25). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 12:43, Jun 11, 2021 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Purple>.

Untuk pemilihan warna adalah ia ditentukan dengan respon daripada responden. Kebanyakan responden lebih memilih warna gelap iaitu warna *dull violet* gelap bagi kain batik. Pada pendapat penyelidik, sebab responden lebih memilih kain batik berwarna gelap adalah kerana rekaan corak pada kain tersebut menyerlah dengan warna-warna terang dan cerah. Oleh itu, ia akan kelihatan mewah dan kelihatan kontra jika ia digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin. Bagi kain *satin* yang berwarna ungu gelap adalah pilihan penyelidik dimana bagi penyelidik ia amat sesuai digunakan warna ungu gelap dan dipadankan dengan kain batik bagi busana kebaya pengantin.

#### 4.3.3 Mood Board

*Mood board* adalah jenis persembahan visual atau ‘kolaj’ yang terdiri daripada gambar, teks dan sampel objek dalam komposisi. Ini dapat didasarkan pada topik yang ditetapkan atau boleh menjadi bahan yang dipilih secara rawak. *Mood board* juga digunakan untuk menyampaikan idea atau perasaan umum mengenai topik tertentu. Untuk *mood board*, penyelidik telah memasukkan jenis kain yang digunakan, rekaan busana kebaya pengantin, warna yang digunakan dan bahan lain yang digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin moden Muslimah.



Rajah 4.3.3: *Mood Board*

#### 4.3.4 Pemilihan bahan

Jenis kain yang digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin moden Muslimah ini adalah kain *cotton* dan kain *satin*. Bahan lain yang digunakan adalah manik, butang dan *lace*.



Rajah 4.3.4 (i): Kain *satin* dan kain batik yang digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin



Rajah 4.3.4(ii): Butang dan *lace* digunakan untuk dijadikan hiasan pada busana kebaya pengantin

#### 4.3.5 Proses lakaran bentuk

Untuk menghasilkan produk pakaian busana kebaya pengantin moden Muslimah ini, penyelidik telah menghasilkan 60 jenis rekaan busana kebaya pengantin dengan pelbagai jenis rekaan. Setiap 4 rekaan akan dikembangkan ideanya kepada 10 rekaan. 10 daripada rekaan busana kebaya tersebut dimasukkan ke dalam *Google Form* untuk responden memilih 3 jenis rekaan busana kebaya yang mereka suka. Dua rekaan busana kebaya pengantin yang paling ramai akan dijadikan sebagai produk akhir projek penyelidikan ini.



Rajah 4.3.5 (i): Pembangunan Idea





Rajah 4.3.5 (ii): Rekaan akhir

#### 4.3.6 Lukisan Teknikal

Lukisan teknikal adalah sangat penting dalam bidang fesyen. Ia digunakan terutamanya oleh pereka fesyen untuk mencetuskan idea mereka di atas kertas atau secara digital. Lukisan teknikal memainkan peranan utama dalam merancang untuk melihat dan menggambarkan reka bentuk sebelum menjahit pakaian sebenar. (*Fashion Illustration*, 2006. November 3). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 12:43, Jun 11, 2021 daripada [https://en.wikipedia.org/wiki/Fashion\\_illustration](https://en.wikipedia.org/wiki/Fashion_illustration).

REKAAN 1



Rajah 4.3.6 (i): Lukisan teknikal untuk rekaan satu


REKAAN 2




Rajah 4.3.6 (ii): Lukisan teknikal untuk rekaan dua

#### 4.3.7 Pattern Layout

Untuk menghasilkan pakaian busana kebaya pengantin, penyelidik perlu menghasilkan *pattern layout* terlebih dahulu kerana *pattern layout* dihasilkan mengikut ukuran ukuran saiz standard iaitu saiz M atau saiz 40. Setelah itu, *pattern layout* akan digunting kemudian akan disusun di atas kain sebelum kain dipotong. Semua *pattern layout* harus disusun dengan betul.



Rajah 4.3.7 (i): *Pattern Layout Rekaan Satu*



Rajah 4.3.7 (ii): *Pattern Layout Rekaan Dua*

#### 4.4 Hasil Kajian

Hasil daripada konsep rekabentuk ini adalah pemilihan jenis batik

tempatan yang berwarna *dull violet* atau bersamaan dengan warna ungu menjadi

pilihan responden. Selain itu, rekabentuk busana kebaya yang dihasilkan penyelidik juga bersesuaian dengan tajuk projek penyelidikan iaitu inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan dimana rekaan busana tersebut direka secara moden tetapi ia masih mengekalkan konsep Muslimah. Tambahan pula, rekaan busana kebaya pengantin ini juga sangat bersesuaian digunakan untuk majlis perkahwinan.



Rajah 4.4 (i): *Toile* Rekaan Satu



Rajah 4.4 (ii): *Toile* Rekaan Dua

Rajah 4.4 (i) dan (ii) merupakan *toile* bagi rekaan satu dan rekaan dua sebelum penyelidik menghasilkan busana kebaya yang menggunakan kain batik dan kain *satin*. *Toile* merupakan proses penghasilan busana kebaya pengantin atau sampel sebelum ia

dihasilkan kepada pakaian sebenar. Tujuan proses jahitan *toile* ini dilakukan adalah untuk menguji kesesuaian pakaian tersebut sama ada dari segi cara jahitan dan saiz sebelum penyelidik memotong kain sebenar.



Rajah 4.4 (iii): Rekaan Satu Yang Menggunakan Batik Tempatan dan Kain Satin



Rajah 4.4 (iv): Rekaan Dua Yang Menggunakan Batik Tempatan dan Kain Satin

Rajah 4.4 (iii) dan (iv) merupakan produk pakaian busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Kedua-dua rekaan ini menggunakan batik tempatan dan kain *satin* yang sama warnanya. Ukuran bagi kedua-dua rekaan busana kebaya ini adalah mengikut saiz standard iaitu saiz M atau saiz 40.

#### 4.5 Costing Sheet



## COSTING SHEET

FACULTY OF TECHNOLOGY CREATIVE AND HERITAGE  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

DATE : 15 JUN 2021  
DESCRIPTION: PROJEK TAHUN AKHIR  
SIZE : M/40

STYLE NO : REKAAN 1  
SEASON :  
SELLING PRICE: RM 776.88

1. MATERIALS	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	SKETCH FRONT/BACK
Batik Satin	4 meter 5 meter	Rm120.00 Rm10.80	Rm120.00 Rm54.00	
2. TRIMMING	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	
Benang Zip Susut	2 1	Rm0.50 Rm 2.00	Rm1.00 Rm2.00	
3. PRODUCTION COST	HOURS	RM/HOURS	AMOUNT	
-Proses melatar pola	3	Rm15.00	Rm45.00	
-Proses memotong	1	Rm15.00	Rm15.00	
-Proses menjahit	24	Rm15.00	Rm360.00	
4. EMBROIDERY/ DETAIL	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	SWATCHES
				
5. TOTAL AMOUNT (1+2+3+4)			Rm597.60	
6. TOTAL AMOUNT + MARK UP (MIN 30%)			Rm687.24	
7. DESIGN FEES (MIN 50% OF 5)			Rm89.64	
8. TOTAL (6+7)			Rm776.88	

KELANTAN

## COSTING SHEET

FACULTY OF TECHNOLOGY CREATIVE AND HERITAGE  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

DATE : 15 JUN 2021      STYLE NO : REKAAN 2  
 DESCRIPTION: PROJEK TATUN ATHIR      SEASON : \_\_\_\_\_  
 SIZE : M/40      SELLING PRICE: RM811.07

1. MATERIALS	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	SKETCH FRONT/BACK
- Batik	4 meter	Rm120.00	Rm480.00	
- Satin	5 meter	Rm10.80	Rm54.00	
2. TRIMMING	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	
- Benang	2	Rm0.50	Rm1.00	
- Zip susut	1	Rm2.00	Rm2.00	
3. PRODUCTION COST	HOURS	RM/HOURS	AMOUNT	
- Proses melatah pola	3	Rm15.00	Rm45.00	
- Proses memotong	1	Rm15.00	Rm15.00	
- Proses menjahit	24	Rm15.00	Rm360.00	
4. EMBROIDERY/ DETAIL	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	
- Lace	1 meter	Rm12.00	Rm12.00	
- Butang	20	Rm4.90	Rm47.00	
- Manik	3 paket	Rm1.50	Rm4.50	
5. TOTAL AMOUNT (1+2+3+4)			Rm623.90	SWATCHES
				
6. TOTAL AMOUNT + MARK UP (MIN 30%)			Rm717.485	
7. DESIGN FEES (MIN 50% OF 5)			Rm93.585	
8. TOTAL (6+7)			Rm811.07	

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini adalah bab terakhir bagi projek penyelidikan ini. Di dalam bab ini dinyatakan kesimpulan dan cadangan. Bagi kesimpulan diterangkan tentang keseluruhan hasil kajian manakala cadangan pula merupakan cadangan daripada penyelidik kepada masyarakat pada masa akan datang. Bab ini juga menerangkan bagaimana untuk memperkenalkan kembali penggunaan batik tempatan serta penghasilan busana kebaya moden yang masih mengekalkan konsep tradisional.

#### 5.2 Kesimpulan

Kesimpulannya, projek penyelidikan ini amat penting kerana ia dapat membantu bukan sahaja penyelidik malah masyarakat untuk mengetahui betapa pentingnya sesuatu penyelidikan dan ia juga akan menjadi mudah jika ia dilakukan mengikut urutan susunan proses yang betul kecuali jika ia dilakukan tidak mengikut urutan susunan, ia malah memberi kesan yang buruk kepada projek penyelidikan ini. Penyelidikan adalah “kerja

yang kreatif dan sistematik yang dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan, termasuk pengetahuan tentang manusia, budaya dan masyarakat, dan penggunaan pengetahuan ini untuk merangka aplikasi baru. Ia digunakan untuk menubuhkan atau mengesahkan fakta, mengesahkan semula hasil kerja sebelumnya, menyelesaikan masalah yang baru atau yang ada atau mengembangkan teori baru. Projek penyelidikan juga boleh menjadi satu perkembangan pada masa lalu di lapangan. Projek penyelidikan boleh digunakan untuk mengembangkan pengetahuan lanjut tentang sesuatu topik, atau dalam contoh projek penyelidikan sekolah, mereka boleh digunakan untuk meningkatkan keupayaan penyelidikan pelajar untuk mempersiapkan mereka untuk pekerjaan atau laporan masa depan (Penyelidikan, 2020. Julai 20). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 21:14, December 30, 2020 daripada <https://ms.wikipedia.org/wiki/Penyelidikan> ).

Selain itu, dengan adanya projek penyelidikan ini juga ia dapat membantu penyelidik dalam memilih jenis kaedah metodologi yang sesuai digunakan untuk menjalankan projek penyelidikan tentang inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Kaedah metodologi yang digunakan adalah kaedah kuantitatif iaitu kaedah soal selidik. Hal ini demikian kerana, soal selidik mempunyai kelebihan daripada beberapa jenis tinjauan lain kerana harganya murah, tidak memerlukan banyak usaha dari penyoal seperti tinjauan lisan atau telefon, dan seringkali mempunyai jawapan standard yang menjadikannya mudah untuk mengumpulkan data. Tambahan pula, penyelidik hanya perlu membuat pemilihan data dan pembentangan data selepas proses pengumpulan data dilakukan iaitu membuat set soal selidik. Setelah itu, penyelidik perlu membuat susunan jawapan daripada responden dengan betul sebelum maklumat dipindahkan ke dalam aplikasi *Microsoft Word*.

### 5.3 Cadangan

Pada pendapat penyelidik, penyelidik mencadangkan agar penggunaan batik tempatan oleh masyarakat hendaklah diperluaskan. Bukan sahaja untuk menghasilkan baju *blouse*, *tshirt* dan aksesori sahaja bahkan batik tempatan juga boleh digunakan untuk menghasilkan busana pengantin. Dengan adanya batik tempatan untuk menghasilkan produk pakaian busana kebaya, ia boleh menggantikan penggunaan songket yang kerap digunakan untuk menghasilkan busana kebaya. Hal ini demikian kerana terdapat setengah kain songket yang tidak memberikan keselesaan kepada pengguna kerana ia tebal dan panas. Ini juga dipersetujui oleh responden yang menjawab soal selidik yang dinyatakan oleh penyelidik.

Selain itu, memandangkan pada era langit terbuka ini merupakan zaman moden, maka rekaan setiap busana juga akan kelihatan moden mengikut peredaran masa. Oleh itu, penyelidik mencadangkan jika pereka fesyen mewujudkan penggabungan di antara rekaan moden dengan penggunaan batik tempatan. Hal ini demikian kerana ia dapat mengekalkan tradisi Melayu dengan menggunakan batik tempatan meskipun rekaan busana pengantin tersebut kelihatan moden.

Di samping itu, penyelidik juga mencadangkan agar jika busana kebaya diinovasikan ke arah moden maka ia masih perlu mengekalkan nilai tradisional dengan adanya penggunaan batik tempatan walaupun penggunaan songket tidak digunakan. Penggunaan batik tempatan bukan sahaja batik lukis tetapi batik cop juga sesuai digunakan untuk menghasilkan busana pengantin. Tetapi pada zaman moden sekarang ini, batik tempatan juga ada yang dihasilkan menggunakan kaedah percetakan. Oleh itu, dengan adanya pelbagai jenis teknik penghasilan batik maka ia dapat menarik perhatian

masyarakat di Malaysia dan juga luar negara sekaligus ia dapat mengembangkan lagi penggunaan batik tempatan.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BIBLIOGRAFI

Bhattacharya, K. (2017). *Fundamentals of qualitative research: A practical guide*. Taylor & Francis.

Brehob, K., et al. (2001). *Usability Glossary*.

Creswell, J. (1994). *Research design: Qualitative and quantitative approaches*. Newbury Park, CA: Sage.

Fatin Hafizah Mohd Shahar. (2015, March). *Putih Busana Ratu Sehari*. Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/wanita/fesyen/2017/07/41420/putih-busana-ratu-sehari>

Halina Mohd Noor, Nor Hatina Shuib & Hanneeyzah Bariah Baharin. (2019, Mac). *Batik Malaysia* *Terancam*. Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/539933/batik-malaysia-terancam>

Halina Mohd Noor, Nor Hatina Shuib & Hanneeyzah Bariah Baharin. (2019, Mac). *Industri Batik Tempatan* *'Dibunuh'*. Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/539919/industri-batik-tempatan-dibunuh>

Intan Mas Ayu Shahimi. (2018, Januari). *Busana Raja Sehari*. My Metro.

<https://www.hmetro.com.my/hati/2018/01/307665/busana-raja-sehari>

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (2020 Oktober). *Maklumat Inovasi*. Portal Kementerian Dalam Negeri.

Othman Thalib, (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik, Serdang*. Penerbit Universiti Putra Malaysia. <https://www.academia.edu/12121040/kuantitatif>

Pentasari, R. (2007). *Chic in Kebaya*.

Polkinghorne, D. E. (2005). Language and meaning: Data collection in qualitative research. *Journal of counseling psychology*, 52(2), 137.

Rai, B. (2018). Modest fashion gets its own Dubai platform. Gulf News. Diambil daripada <http://gulfnews.com/life-style/glamour/fashion/modest-fashion-gets-its-own-dubai-platform-1.2173386>

Rashidah Awang, (2015). *Apa itu kajian kualitatif*. SlideShare.

<https://www.slideshare.net/rashidahawang3/apa-itu-kajian-kualitatif>

Samah, A.J.A. 1990. *Batik: Sejarah dan Keistimewaan Tekniknya*. Akademika, 37(1).

Schostak, John F., (2002). *Understanding, designing and conducting qualitative research in education: framing the project*. (muka surat : 80).

Siti Fatimah Mohamed Anwar. (2019, Jun). *Pertahan Busana Melayu, Warisan Kerajaan Islam*.

Berita Harian.<https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/061572877/pertahan-busana=melayu-warisan-kerajaan-silam>

Sukamolson, S. (2007). *Fundamentals of quantitative research*. Language Institute Chulalongkorn University, 1, 2-3.).

Wikipedia. (2020, December, 27) . *Innovation*. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 09:02, November 8, 2020 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Innovation>

Wikipedia. (2006, September 5). *Batik*. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 03:03, November 2, 2020 daripada <https://ms.wikipedia.org/wiki/Batik>

Wikipedia. (2018, Februari 6). *Batik Malaysia*. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 03:03, November 2, 2020 daripada [https://ms.wikipedia.org/wiki/Batik\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Batik_Malaysia)

Wikipedia. (2005, September 29). *Kebaya*. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 21:02,

November 26, 2020 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Kebaya>

Wikipedia. (2015, Julai 21). *Modest Fashion*. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 21:02,

November 26, 2020 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Modestfashion>

Wikipedia. (2004, Julai 25). *Islamic Clothing*. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 21:00,

November 28, 2020 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Islamicclothing>

Wikipedia. (2004, Februari 8). *Wedding Dress*. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 14:18,

December 6, 2020 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Weddingdress>.

Wikipedia. (2014, April 26). *Methodology*. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 16:20,

December 22, 2020 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Methodology>

Wikipedia. (2004, September 4). *Questionnaire*. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 10:44,

December 29, 2020 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Questionaire>

Wikipedia. (2020, Julai 20). *Penyelidikan*. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil 21:14,

December 30, 2020 daripada <https://ms.wikipedia.org/wiki/Penyelidikan>

Wikipedia. (2001, November 17). *Observation*. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas, Diambil 09:36,

Jun 11, 2021 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Observation>

Wikipedia. (2002, Februari 25). *Purple*. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas, Diambil 12:43, Jun 11,

2021 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Purple>

Wikipedia. (2006, November 3). *Fashion Illustration*. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas, Diambil

12:43, Jun 11 2021 daripada [https://en.wikipedia.org/wiki/Fashion\\_illustration](https://en.wikipedia.org/wiki/Fashion_illustration)

Yafai, F. A. (2017). Islamic clothing is changing the fashion world. But it will not dismantle the

desire to judge women. Diambil daripada <https://www.thenational.ae/opinion/islamic-clothing-is-changing-the-fashion-world-ut-it-will-not-dismantle-the-desire-to-judge-women-1.65959>

Yusof, Z., Nawawi, N.M., & Aris, A. (2018). *Malay Kebaya: The History and Influences of Other Silhouette*.

Zaidi Mohamad. (2019, Februari). *Rekaan Gaun Pengantin Moden dan Tradisional*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/wanita/fesyen/2019/02/529437/rekaan-gaun-pengantin-moden-dan-tradisional>

Zaidi Mohamad (2017, Mac). *Ezuwan Hidupkan Legasi Grace Kelly*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/5/2017/03/257019/ezuwan-hidupkan-legasi-grace-kelly>

## LAMPIRAN A: GOOGLE FORM

6/13/2021

INOVASI BUSANA KEBAYA PENGANTIN MODEN MUSLIMAH DENGAN MENGGUNAKAN BATIK TEMPATAN

# INOVASI BUSANA KEBAYA PENGANTIN MODEN MUSLIMAH DENGAN MENGGUNAKAN BATIK TEMPATAN

Borang soal selidik ini disediakan adalah untuk mengumpul dan menganalisis data berkaitan dengan inovasi busana kebaya pengantin moden Muslimah dengan menggunakan batik tempatan. Tujuan projek penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan menggabungkan antara penggunaan batik tempatan dengan rekaan kontemporari busana kebaya pengantin serta untuk menarik minat pengguna terhadap batik tempatan melalui rekaan busana kebaya pengantin.

Oleh : Wan Nazatul Amalia Binti Wan Mohamad Noor

### Bahagian A

Bahagian A terdiri daripada demografi dan ia mempunyai enam item iaitu umur, bangsa, agama, jantina, pekerjaan dan status. Responden perlu menanda pada bahagian yang berkenaan sahaja.

#### 1. Umur

*Mark only one oval.*

- 18 Tahun - 22 Tahun
- 23 Tahun - 28 Tahun
- 29 Tahun - 34 Tahun
- 35 Tahun - 40 Tahun

#### 2. Bangsa

*Mark only one oval.*

- Melayu
- Cina
- India
- Lain-lain

3. Agama

*Mark only one oval.*

- Islam
- Buddha
- Hindu
- Lain-lain

4. Jantina

*Mark only one oval.*

- Lelaki
- Perempuan

5. Pekerjaan

*Mark only one oval.*

- Bekerja
- Tidak Bekerja
- Pelajar

6. Status

*Mark only one oval.*

- Berkahwin
- Bujang

Bahagian  
B

Terdapat beberapa soalan objektif yang perlu responden pilih sama ada ia 'YA' atau 'TIDAK' di ruangan yang disediakan di bawah. Soalan untuk bahagian B ini berkaitan dengan busana kebaya pengantin.

7. 1. Adakah anda meminati fesyen terutamanya fesyen busana pengantin?

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

8. 2. Adakah anda menyukai rekaan busana kebaya pengantin?

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

9. 3. Adakah busana kebaya kelihatan sangat menarik dan bergaya?

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

10. 4. Adakah pemilihan busana penting kepada pengguna?

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak  
 Other: \_\_\_\_\_

11. 5. Adakah benar bahawa busana kebaya pengantin sesuai dihasilkan dengan menggunakan songket sahaja?

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

12. 6. Adakah anda bersetuju jika modest fashion & modern fashion digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin?

*Mark only one oval.*

Ya

Tidak

13. 7. Perlukah pereka mengekalkan tradisi rekaan busana kebaya pengantin tersebut walaupun pereka menambahkan unsur moden pada busana tersebut?

*Mark only one oval.*

Ya

Tidak

14. 8. Adakah anda bersetuju rekaan busana kebaya pengantin dihasilkan secara moden tetapi masih mengekalkan tradisi Melayu dan patuh Syariah terutama bagi golongan yang beragama Islam?

*Mark only one oval.*

Ya

Tidak

15. 9. Adakah anda lebih menyukai busana kebaya pengantin berbanding busana pengantin moden pada masa kini seperti gaun?

*Mark only one oval.*

Ya

Tidak

16. 10. Adakah anda bersetuju jika pereka fesyen perlu mengekalkan rekaan busana kebaya dengan menggunakan songket?

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

17. 11. Adakah anda sangat peka terhadap rekaan busana pengantin terutamanya dari segi bentuk saiz ukurannya agar ia bersesuaian dengan badan pemakai?

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tiada

18. 12. Adakah busana kebaya pengantin yang diperbuat daripada songket tidak memberi keselesaan kepada pemakai disebabkan kainnya tebal dan panas?

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

19. 13. Wajarkah penghasilan busana kebaya pengantin dikekalkan sehingga kini meskipun terlalu banyak rekaan moden pada masa kini?

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

20. 14. Adakah perlu rekaan busana kebaya dapat memenuhi citarasa pelanggan terutama dari segi jenis fabrik yang digunakan?

*Mark only one oval.*

Ya

Tidak

21. 15. Adakah busana kebaya pengantin moden yang direka kini akan memberi kesan kepada rekaan tradisi busana kebaya pada zaman dahulu?

*Mark only one oval.*

Ya

Tidak

### Bahagian C

Untuk bahagian C, soalan adalah berkaitan dengan batik tempatan dan soalan tersebut diberikan dalam bentuk atau teknik skala likert.

22. Soalan 1

*Check all that apply.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Batik tempatan sesuai digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

23. Soalan 2

*Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Harga batik tempatan lebih murah berbanding harga songket.	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

## 24. Soalan 3

*Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Penggabungan batik tempatan dan busana kebaya pengantin moden dapat menarik minat generasi muda	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

## 25. Soalan 4

*Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Adakah anda bersetuju jika batik tempatan digunakan sebagai pengganti kepada songket untuk pereka menghasilkan busana kebaya pengantin?	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

## 26. Soalan 5

*Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Adakah batik tempatan bersesuaian jika digunakan bagi penghasilan busana kebaya pengantin?	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

**27. Soalan 6***Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Adakah anda bersetuju jika penggunaan batik tempatan pada busana kebaya, ia akan memperkenalkan kembali penggunaan batik di dalam pasaran tempatan?	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

**28. Soalan 7***Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Batik tempatan berwarna terang atau gelap lebih sesuai berbanding batik tempatan berwarna lembut atau 'pastel' untuk busana kebaya pengantin.	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

**29. Soalan 8***Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Adakah anda bersetuju jika batik tempatan tidak sesuai digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin?	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

## 30. Soalan 9

*Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Pengimbangan penggunaan batik tempatan dapat setaraf dengan penggunaan songket yang semakin menjadi pilihan orang Melayu untuk dijadikan sebagai busana kebaya pengantin.	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

## 31. Soalan 10

*Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Penggunaan batik tempatan dan rekaan busana kebaya maka ia dapat mengekalkan lagi nilai tradisional serta penggunaan produk tempatan meskipun rekaan busana kebaya pengantin tersebut direka dengan rekaan lebih moden & menepati ajaran Islam bagi pengguna yang beragama Islam.	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

## 32. Soalan 11

*Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Pereka lebih mengagungkan rekaan fabrik dari luar negara berbanding rekaan fabrik tempatan.	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

## 33. Soalan 12

*Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Penggunaan batik tempatan semakin berkurang pada masa kini.	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

## 34. Soalan 13

*Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Batik tempatan mempunyai keistimewaan tersendiri berbanding songket.	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

## 35. Soalan 14

*Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Batik tempatan boleh mengekalkan tradisi Melayu tempatan meskipun rekaan busana kebaya dihasilkan mengikut trend busana pengantin moden kini.	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

## 36. Soalan 15

*Mark only one oval per row.*

	Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
Batik tempatan boleh digunakan pada pelbagai jenis rekaan busana pengantin.	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

**Bahagian  
D**

Untuk bahagian D, disediakan beberapa rekaan busana kebaya pengantin moden Muslimah dan beberapa kain batik tempatan yang memerlukan responden memilih dan menanda pilihan responden pada ruangan yang sudah disediakan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

37. Responden perlu memilih 3 SAHAJA rekaan busana kebaya pengantin mengikut citarasa responden.

*Check all that apply.*



Rekaan 1



Rekaan 2



Rekaan 3



Rekaan 4



Rekaan 5



Rekaan 6



6/13/2021

## INOVASI BUSANA KEBAYA PENGANTIN MODEN MUSLIMAH DENGAN MENGGUNAKAN BATIK TEMPATAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KEJANTAN

38. Responden perlu memilih 3 SAHAJA kain batik yang sesuai digunakan untuk menghasilkan busana kebaya pengantin mengikut citarasa responden. (Rekaan Batik oleh Batik Exclusive Kelantan).

*Check all that apply.*



Batik 1



Batik 2



Batik 3



Batik 4



Batik 5



Batik 6



6/13/2021

## INOVASI BUSANA KEBAYA PENGANTIN MODEN MUSLIMAH DENGAN MENGGUNAKAN BATIK TEMPATAN

 Batik 7 Batik 8 Batik 9 Batik 10

This content is neither created nor endorsed by Google.

Google Forms

**LAMPIRAN B: PROSES PENGHASILAN BUSANA KEBAYA PENGANTIN  
MODEN MUSLIMAH DENGAN MENGGUNAKAN BATIK TEMPATAN**



Gambar 1: Proses Melakar Pola Busana Kebaya Rekaan 1 dan Rekaan 2



Gambar 2: Proses Memotong Pola dan Kain Toile



Gambar 3: Proses Menjahit Toile



Gambar 4: Proses Memotong Kain Batik dan Kain Satin



Gambar 5: Proses Menjahit Rekaan Satu Akhir



Gambar 6: Proses Menjahit Rekaan Dua Akhir

UNIVERSITI  
[redacted]  
MALAYSIA  
[redacted]  
KELANTAN

**LAMPIRAN: BUSANA KEBAYA REKAAN 1 YANG DIGAYAKAN OLEH MODEL**





**LAMPIRAN: BUSANA KEBAYA REKAAN 2 YANG DIGAYAKAN OLEH MODEL**



FYP FTKW

